Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 85 4a
No Perolehan: T 0942
Tarikh: 18 MAR 1986

# KEMISKINAN KOMUNITI MELAYU LUAR BANDAR
# TINJAUAN KE ATAS KAMPUNG BANGGOL SAMAN
# PASIR PUTEH - KELANTAN

Hammed Noor Norddin
No. Matrik: 043744

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Sesi 1985/86

University of Malaya

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan selamatnya. Mengambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak ternilai dan jutaan terima kasih kepada beberapa pihak yang terlibat dan bertanggungjawab terhadap kajian ini.

Pertama sekali, saya melahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Zaliha Hassan, penyelia latihan ilmiah saya yang tidak jemu-jemu meluangkan masanya memeriksa draf yang dihantar kepadanya dan memberi nasihat dalam masa penyediaan latihan ilmiah ini. Juga kepada penyelia kajian luar saya, Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed yang telah banyak membantu saya semasa menjalankan kajian.

Kepada Penggawa Daerah Bukit Jawa, keraninya (Encik Hassan), Tok Penghulu Jerus, Ayah Sin (Ketua Kampung Banggol Saman dan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, tidak juga saya lupakan atas sumbangan yang telah diberikan semasa kajian ini dibuat.

Untuk isteri tercinta yang telah banyak mendorong serta memahami akan setiap masa yang telah saya gunakan serta yang telah banyak menolong saya dalam menyiapkan soalselidik, saya rakamkan

University of Malaya

jutaan kasih sayang saya yang tidak terhingga sehingga terlaksananya kajian dan penulisan ini.

Tidak ketinggalan untuk teman-teman seperjuangan di kampus seperti Nasir, Laila, Ahmad Zafir, Azman dan lain-lain lagi serta teman-teman PTD (Pegawai Tadbir Dapur) di AYPM, Usen, Ayub, Aziz, Kape, Tick dan Tok Aji yang telah banyak memberi gangguan dan bantuan fikiran, juga saya rakamkan penghargaan terima kasih daun keladi semoga esok-esok boleh diminta tolong lagi.

Seterusnya tidak dilupakan teman-teman di kampung seperti Awie Dicu, Jalal, Ja'ri, Dwen, Aji Budin dan Aji Sudin yang telah banyak membantu semasa penyelidikan dijalankan. Akhir sekali untuk Wan Jay kerana menyediakan bahan asas penulisan serta Kah Jah yang telah bersusah payah menaipkan penulisan ini, saya ucapkan terima kasih.

Semoga Allah membalas jasa kalian semua dan diberikan kebajikan ke atas hidup kalian. Diharapkan berjumpa semula di Padang Mahsyar nanti. Insya Allah.

043744
Selising
16410 Melur
Kelantan

13hb. Januari 1986

University of Malaya

SINOPSIS

Kampung Banggol Saman, Pasir Puteh, Kelantan telah dijadikan kampung kajian bagi penulis untuk penulisan Latihan Ilmiah sesi 1985/86. Tumpuan penulis adalah terhadap masalah-masalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk setempat. Dalam Bab I, penulis menghuraikan secara ringkas mengenai tujuan dan bidang kajian serta dihuraikan juga kaedah-kaedah yang telah digunakan dalam kajian. Di samping kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa kajian.

Bab II menerangkan latarbelakang kawasan kajian merangkumi sejarah awal kampung, latarbelakang dari segi geografi politik, penduduk serta pola penempatan mereka. Kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di sini juga diterangkan.

Bab III menghuraikan beberapa teori dan konsep yang telah digunakan sebagai perbandingan mengenai permasalahan yang dikaji. Antara teori yang digunakan ialah Teori Struktur Ketidaksamaan Ekonomi dan Sosial, Teori Agihan Pendapatan Yang Tidak Seimbang dan Teori Ciri-Ciri Personaliti dan Kebudayaan. Juga dinyatakan beberapa hipotesis yang digunakan sebagai panduan kajian.

Bab IV membincangkan membincangkan pola kegiatan ekonomi dan pendidikan setempat. Di sini tinjauan dibuat terhadap tahap pendidikan setempat serta jenis-jenis kegiatan ekonomi yang

dijalankan, pendapatan, tabungan dan juga perbelanjaan mereka.

Bab V meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk serta sikap mereka terhadap masalah-masalah yang mereka hadapi. Ini merangkumi masalah-masalah pertanian seperti pemilikan tanah, tanah terbiar dan masalah sebenar yang dihadapi oleh petani itu sendiri. Masalah dalam pentadbiran kampung juga disentuh.

Bab VI merupakan bab akhir. Dalam bab ini dikemukakan beberapa saranan yang mungkin boleh mengatasi beberapa masalah yang terdapat di kampung ini. Rumusan keseluruhan latihan ilmiah ini juga dimasukkan di sini.

University of Malaya

KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| PENGHARGAAN | | iii |
| SINOPSIS | | v |
| KANDUNGAN | | vii |
| SENARAI JADUAL | | x |
| PETA | | |
| BAB I : | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Tujuan dan Bidang Kajian | 1 |
| | 1.3 Kawasan Kajian | 3 |
| | 1.4 Metodologi Kajian | 4 |
| | 1.4.1 Soalselidik (Questionnaire) | 4 |
| | 1.4.2 'Interview Schedule' | 6 |
| | 1.4.3 Temubual | 6 |
| | 1.4.4 Penyelidikan Perpustakaan (Library Research) | 8 |
| | 1.5 Kesulitan Kajian | 8 |
| BAB II : | LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN | 11 |
| | 2.1 Sejarah Awal | 11 |
| | 2.2 Latarbelakang Segi Geografi-Politik | 12 |
| | 2.3 Penduduk dan Penempatan | 14 |
| | 2.4 Kemudahan Asas | 15 |


University of Malaya

| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| | 5.2.1 Sikap Anak-Anak | 52 |
| | 5.2.2 Sikap Ibubapa | 54 |
| | 5.3 Masalah Kampung | 56 |
| BAB VI : | PENUTUP | 58 |
| | 6.1 Saranan-Saranan Pembasmian Kemiskinan | 58 |
| | 6.2 Kesimpulan | 62 |
| BIBLIOGRAFI | | 73 |
| LAMPIRAN | | 76 |


University of Malaya

## SENARAI JADUAL


| | | | Muka Surat |
|---|---|---|---|
| Jadual 1 | : | Keramaian Penduduk Mukim Jerus | 14 |
| Jadual 2 | : | Pecahan Penduduk Kampung Banggol Saman | 14 |
| Jadual 3 | : | Jenis Kegiatan Ekonomi Kampung | 31 |
| Jadual 4 | : | Pendapatan Ketua Rumah | 33 |
| Jadual 5 | : | Umur Ketua Keluarga dan Bilangan Tanggungan | 34 |
| Jadual 6 | : | Perbelanjaan Bulanan Keluarga | 35 |
| Jadual 7 | : | Purata Perbelanjaan Sekolah Setahun | 36 |
| Jadual 8 | : | Simpanan Keluarga | 37 |
| Jadual 9 | : | Tahap Pendidikan Ketua Keluarga | 41 |
| Jadual 10 | : | Pecahan Mengikut Umur | 42 |
| Jadual 11 | : | Tingkat Pelajaran Anak-Anak Responden | 44 |
| Jadual 12 | : | Pemilikan Tanah Oleh Ketua Keluarga | 46 |
| Jadual 13 | : | Luas Tanah Yang Dikerjakan | 49 |
| Jadual 14 | : | Jenis Pekerjaan Yang Sesuai Untuk Anak | 55 |
| Jadual 15 | : | Putaran Kemiskinan | 65 |


University of Malaya

# KELANTAN


Tanyongmas
Jalan Raya
Jalan Keretapi
THAILAND
TUMPAT
KOTA BAHARU
PASIR MAS
BACUK
PANGKAL KALUNG
PASIR PUTIH
SEMERAK
JEDUK
MACANG
Macang
Tanah Merah
TANAH MERAH
Kuala Kerai
KUALA KERAI
PERAK
TERENGGANU
KELANTAN
HULU KELANTAN
Gua Musang
TAMAN NEGARA
PAHANG



University of Malaya

## - PETA MUKIM JERUS -




University of Malaya

BAB I

PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Kampung Banggol Saman merupakan sebuah perkampungan Melayu di dalam jajahan Pasir Puteh, Kelantan yang mana keseluruhan penduduknya menjalankan aktiviti pertanian sebagai punca utama rezeki bagi menyara hidup mereka. Walaupun negara ini telah 28 tahun merdeka, akan tetapi erti kemerdekaan sebenarnya masih belum dinikmati sepenuhnya oleh komuniti di perkampungan ini. Mereka masih belum merdeka daripada 'kemiskinan' yang mencengkam hidup mereka dari zaman berzaman. Kajian ini cuba sedikit sebanyak memaparkan kehidupan masyarakat petani yang masih berada di tahap kemiskinan di kampung ini.

Dari penemuan pengkaji melalui kajian ini, kita cuba melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti ini terhadap bagaimana mereka menjalani kehidupan yang hakiki. Juga melihat beberapa keadaan yang timbul di alam harian mereka yang meliputi kegiatan ekonomi, latarbelakang sosial dan juga cara bagaimana untuk meninggikan taraf hidup mereka yang bergantung hidup terhadap pertanian dan mengurangkan mereka dari bebanan kemiskinan.

## 1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini merupakan suatu tinjauan keseluruhan terhadap masyarakat setempat yang seratus peratusnya terdiri daripada etnik

Melayu. Antara lain kajian ini bertujuan untuk mengetahui kemiskinan penduduk setempat yang cuba ditafsirkan melalui tingkat ekonomi mereka di bidang pertanian, untuk mengetahui ukuran sebenar kemiskinan. Masalah kemiskinan adalah masalah yang dihadapi oleh negara walaupun sudah lebih setengah abad negara ini merdeka. Ianya tidak saja tertumpu di kawasan bandar tetapi juga meliputi setiap lokasi penempatan kehidupan. Secara relatifnya, penduduk di kawasan luar bandarlah yang lebih tinggi peratus kemiskinannya. Untuk memerangi masalah ini secara berkesan, kita perlu memahami erti kemiskinan dengan lengkap dan untuk memahaminya pula perlulah dibuat kajian seumpama ini secara komprehensif.

Perlu ditegaskan di sini bahawa kajian ini juga berhasrat untuk melihat keadaan dan struktur kemiskinan penduduk setempat secara praktikal, cuba untuk menganalisa beberapa faktor sosio-budaya (struktur kehidupan) yang telah mempengaruhi atau menimbulkannya. Seterusnya melalui kajian ini juga diharapkan akan dapat mengkaji segala usaha untuk mengatasi masalah ini dari aspek ekonomi, pelajaran, sosial dan sebagainya yang dikira relevan.

Adalah dikira penting, lanjutan daripada kajian ini boleh memberi gambaran sebenar yang agak jelas mengenai masalah penduduk dan maklumat yang diperolehi melalui kajian seumpama ini bukan saja bernilai dari segi akademik, akan tetapi berguna untuk membantu pihak-pihak yang berkenaan seperti agensi kerajaan yang membuat dasar dan rancangan yang lebih berkesan bagi situasi tertentu.

University of Malaya

Bidang kajian yang menjadi tumpuan pengkaji ialah mengenai aktiviti perekonomian penduduk setempat terutamanya di bidang pertanian dan melihat kaitannya dengan masalah kemiskinan. Juga melihat tingkat pendapatan mereka hasil dari kegiatan ini dan ke mana ia disalurkan bagi memenuhi keperluan hidup. Ini merangkumi aspek tabungan, pola perbelanjaan, pelajaran atau untuk apa saja. Apatah lagi untuk mengetahui secara detail mengenai tahap pendidikan dan pembelajaran penduduk serta kaitannya dengan kemiskinan.

Tidak ketinggalan untuk mengenal pasti apakah masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk yang boleh dihubungkaitkan dengan permasalahan yang dikaji.

Skop kajian ini juga membataskan pemerhatian terhadap segala kemudahan asas yang terdapat di kawasan kajian dan mengemukakan pula kekurangan atau menyatakan kemudahan asas yang masih belum dikecapi oleh mereka. Selain daripada itu, pengkaji juga ingin melihat nilai dan sikap serta kesedaran penduduk setempat terhadap pembelajaran yang boleh mengubah sedikit sebanyak corak kehidupan mereka.

## 1.3 Kawasan Kajian

Kampung kajian ini telah dipilih oleh Institut Pengajian Tinggi dengan kerjasama Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya sebagai kampung sasaran bagi kajian pengkaji mengenai masalah kemiskinan di bawah tema 'Kajian Kemiskinan Di Malaysia'. Merupakan sebuah perkampungan tradisional yang terletak jauh di pedalaman jajahan

Pasir Puteh. Mempunyai 56 buah bilangan rumah, 52 buah keluarga dengan penduduknya berjumlah 219 orang. Ini termasuk 109 orang lelaki dan 110 orang wanita dan merupakan sebuah perkampungan Melayu. Secara keseluruhannya menjalankan aktiviti pertanian seperti bersawah padi, menoreh getah dan lain-lain kegiatan pertanian dan pekerjaan lain lagi.

## 1.4 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan selama dua bulan iaitu bermula dari 1hb. April hingga 31hb. Mei 1985. Di dalam kajian ini telah diadakan serta dijalankan berbagai kaedah dan teknik untuk mendapatkan data serta bagi menjayakan kajian.

H.M. Dahlan dan Shamsul Amri Baharuddin (1980: 40) mencatatkan dari C. Levi-Strauss bahawa, kajian luar adalah ujian terpenting bagi seseorang pelajar Antropologi menjayakan dirinya sebagai seorang ahli Antropologis. Ini secara langsung menunjukkan begitu pentingnya kajian luar di dalam penyelidikan sosial. Hanya dengan itu saja membolehkan pengkaji mendapatkan data-data penting yang berhubung dengan pengkajian.

### 1.4.1 Soalselidik (Questionnaire)

Soalselidik merupakan satu set borang yang mengandungi berbagai bentuk soalan yang merangkumi berbagai aspek untuk digunakan sebagai sumber mendapatkan data. Sehubungan dengan ini, sebanyak 50 set soalselidik telah digunakan untuk kajian ini di mana lebih daripada 50 soalan telah tersedia di dalamnya seperti biodata responden,

struktur keluarga, kegiatan ekonomi dan lain-lain lagi.

Dari jumlah 52 buah keluarga yang ditemui, 2 terpaksa dikecualikan kerana mereka tidak sempat diselidiki kerana telah berpindah ke kampung lain. Ini bermakna tiada pilihan terhadap responden untuk tujuan penyelidikan. 'Sampling' yang dikaji itu adalah mewakili secara keseluruhan komuniti di perkampungan tersebut. Ianya merupakan 'sampling' yang 'representative' bagi kajian ini. Soalan-soalan di dalam soalselidik ini adalah berkait antara satu sama lain dan soalan yang dikemukakan juga berupa '<u>open-ended</u>' dan '<u>close-ended</u>' yakni soalan terbuka dan tertutup.

Soalan sebegini amat popular sekali digunakan kerana ianya memudahkan pengkaji mendapatkan data. Penggabungan kedua jenis soalan ini amatlah berkesan sekali.

Dengan kata lain, menurut K. Bailey:

> "Close-ended or fixed alternative questions require only that the interviewer read the question and mark the appropriate answer. Open-ended questions, however, can require the interviewer to transcribe a lengthy statement".
>
> (1975: 172)

Soalan berbentuk terbuka lebih memberikan kesan dan maksud yang jelas mengenai data atau maklumat yang dikehendaki. Sebabnya ialah responden tidak merasa terkongkong untuk menjawabnya berbanding dengan soalan tertutup yang mengkehendaki jawapan yang telah disediakan

oleh pihak pengkaji.

1.4.2 'Interview Schedule'

Merupakan soalan yang diberikan oleh pengkaji kepada responden untuk dijawab tanpa banyak kesulitan. Maksudnya, pengkaji menuturkan persoalan yang tersedia berasaskan persediaan awal mengenai soalan-soalan yang ingin dikemukakan. Kemudian pengkaji mencatatkan butir-butir yang diberikan oleh responden. Responden bebas menjawabnya tanpa rasa terikat dengan soalan. Perbezaannya dengan soalselidik hanyalah dari segi teknik pemakaiannya saja.

Kebaikan kaedah ini difikirkan lebih baik di samping soalselidik kerana kemungkinan soalan yang dikemukakan melalui soalselidik berputar-belit seperti aspek sikap, persepsi dan lain-lain lagi yang memerlukan pemahaman yang mendalam dan boleh membosankan responden menjawabnya. Persoalan yang mungkin menyinggung emosi dapat dielakkan jika menggunakan kaedah ini dengan teknik yang baik. Ini kerana soalan yang terdapat di dalam kaedah ini tidaklah seketat atau serigid sepertimana yang terdapat di dalam soalselidik. Atau dengan kata lain 'interview schedule' adalah mirip kepada penggunaan teknik persoalan 'open-ended'.

1.4.3 Temubual

Temubual secara formal dan informal juga telah pengkaji lakukan. Temubual secara formal adalah temubual secara langsung

antara pengkaji dengan 'informent' tertentu untuk mendapatkan data. Ini termasuklah menemubual Penggawa Daerah Bukit Jawa, Penghulu Mukim dan beberapa orang tertentu yang lain secara formal. Manakala temubual secara informal atau tidak langsung bermaksud pengkaji berjumpa dan berbual dengan responden mengenai sebarang masalah dan secara tidak langsung menyelitkan beberapa soalan yang ingin diketahui jawapannya dari responden dalam masa perbualan tadi.

Cara yang kedua itu paling pengkaji gemari kerana ianya lebih senang mendapatkan data. Dengan cara ini hubungan mesra terjalin dan memudahkan kajian. Kaedah temubual ini dipersetujui oleh Young P. (lihat Young, Pauline, 1973: 214). Menurut Prof. Madya Dr. Abu Hassan Othman dalam bukunya 'Kaedah Penyelidikan Sosial':

> "Temubual merupakan proses interaksi di antara penemubual dengan respondennya. Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data penting, bertukar-tukar fikiran dan pengalaman".
> (Wan Hashim, 1980: 7)

Dalam masa menjalankan kajian bagi mengisi soalselidik, pengkaji telah menggunakan kedua kaedah ini bagi mendapatkan data yang lengkap dan 'up-to-date'. Dengan adanya temubual secara informal kadangkala tanpa disedari responden memberikan maklumat yang dikehendaki sebelum soalan lain dikemukakan. Sebabnya responden lebih senang diajak berbual dari mengisi soalselidik. Ianya juga boleh dibuat pada bila-bila masa berbanding dengan temubual formal yang memerlukan masa tertentu. Masalah responden yang buta huruf juga

dapat diatasi dengan kaedah ini bagi memudahkan kajian.

Temubual formal telah dijalankan dengan menemubual Penggawa Bukit Jawa yang mentadbirkan kampung ini bagi mendapatkan beberapa persediaan awal sebelum memasuki perkampungan ini. Di samping itu, Ketua Cawangan UMNO kampung yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal kampung juga telah ditemubual untuk mendapatkan maklumat penting dan beliau pengkaji anggap sebagai 'key informent'.

1.4.4 <u>Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)</u>

Kaedah ini merupakan kaedah terakhir yang telah digunakan bagi menyempurnakan hasil kajian. Penyelidikan secara ini dilakukan adalah untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kajian. Kaedah ini amat perlu sekali bagi mengetahui dan mendapatkan penjelasan terperinci mengenai kemiskinan dan teori-teorinya yang telah banyak diperkatakan sebelum daripada ini.

Pendek kata di dalam melaksanakan kajian ini, telah dipelbagaikan kaedah dan teknik untuk mendapatkan data. Tidak dinafikan bahawa di antaranya ada yang mempunyai kelebihan dan kekurangan serta kelemahannya. Akan tetapi perkaitan di antara satu sama lain telah saling lengkap melengkapi.

1.5 <u>Kesulitan Kajian</u>

Masalah pertama yang dihadapi ialah masalah untuk menemui responden. Mereka jarang berada di rumah. Waktu pagi mereka ada yang

menoreh getah dan waktu petang sama ada mereka ke sawah atau ke padang tembakau. Ini termasuk ketua keluarga dan isteri mereka sekali. Untuk mengatasi masalah ini, responden telah ditemui pada waktu tengahari yakni waktu mereka berehat selepas makan tengahari di samping menemui mereka satu atau dua jam lebih awal hari Jumaat sebelum mereka bersembahyang Jumaat di masjid.

Perhubungan menjadi salah satu kesulitan yang dihadapi memandangkan jarak antara rumah pengkaji dengan tempat kajian begitu jauh. Tembahan pula waktu itu musim hujan dan sukar untuk ke sana disebabkan jalan berlumpur, berlopak dan becak. Kenderaan pengkaji (motosikal) tidak dapat memasuki atau melalui jalan tersebut yang hanya berupa jalan bekas tanah merah yang dikategorikan sebagai jalan gred C oleh pihak pentadbir kawasan. Bagi mengatasi kesulitan ini, pernah beberapa kali pengkaji terpaksa bermalam di tempat kajian.

Kurangnya kerjasama dari penduduk setempat menyulitkan pemerolehan data pada peringkat awalnya. Mereka enggan memberi pendapat dan butir-butir tentang diri mereka. Dengan jalan menunjukkan surat akuan dari Ketua Jabatan tidak dapat menyelesaikan kesulitan ini. Untuk itu telah beberapa kali Ketua Kampung dibawa bersama untuk menerangkan tujuan pengkaji yang sebenarnya. Rupa-rupanya sikap negatif ini timbul kerana mereka buta huruf dan prasangka terhadap pengkaji. Anggapan mereka pengkaji adalah agen kerajaan yang datang untuk menyiasat mereka. Perkara ini timbul lantaran ideologi kepartian yang begitu hangat di Kelantan kini.

Penyembunyian maklumat dan tidak mahu menjawab soalan memang lumrah dihadapi. Ini termasuk data-data yang penting tetapi dianggap sensitif oleh mereka seperti umur, pendapatan, tabungan dan lain-lain lagi. Dalam hal ini pengkaji telah membawa responden berbual dan secara tidak sengaja mereka akhirnya memberitahu perkara yang sebenar. Inilah merupakan salah satu kelebihan temubual informal.

Jawapan yang melarut-larut seringkali dihadapi daripada responden dan ada yang mencurahkan perasaan mereka, rasa tidak puas hati dan sebagainya seolah-olah pengkaji kaunselor mereka. Ini mungkin disebabkan oleh cara pengkaji mengajukan soalan dalam bentuk perbualan dan menampakkan kelemahan teknik ini dalam mendapatkan data. Walau bagaimanapun mereka telah dibawa semula kepada pokok persoalan dan tujuan sebenar kajian bagi mengatasi kesulitan ini.

Keseluruhannya, kesulitan yang dihadapi semasa penyelidikan telah secara langsung dan tidak langsung memberikan sedikit sebanyak pengalaman dan pengetahuan kepada pengkaji dan pengkaji lain selepas ini mengenai corak kehidupan komuniti kajian. Juga, melalui kesulitan sebegini dapat diperhatikan beberapa kelebihan dan kelemahan teknik dan kaedah penyelidikan yang sedia ada dalam mendapatkan data.

# BAB II

# LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

## 2.1 Sejarah Awal

Dipercayai kampung ini pada awalnya adalah suatu kawasan hutan rimba yang penuh dengan binatang buas dan pohon-pohon kayu yang besar. Menurut Encik Hussain, ketua kampung ini, pembukaan kampung ini telah dilakukan oleh seorang lelaki dari Selatan Siam yang keluar mengembara ke Tanah Besar Semenanjung. Beliau telah menjadikan kawasan hutan yang sudah dibuka itu sebagai kediaman beliau dengan menjalankan aktiviti mencari bahan-bahan hutan seperti rotan untuk dijual di Kota Bharu di samping menanam padi huma sebagai mata pencarian utama ketika itu. Lama kelamaan kawasan ini bertambah bilangan penduduknya apabila migrasi dari Tanjung Mas (Selatan Siam) iaitu tempat asal perintis yang pertama tadi, berlaku. Kawasan kediaman mereka berpusat di atas satu kawasan tinggi. Perintis kawasan ini lebih dikenali dengan panggilan 'Tok Saman' oleh penduduk setempat, yang mana akhirnya kampung ini kekal dengan nama Banggol Saman.[1] Ini sempena mengenangkan jasa beliau sebagai pengasas kampung ini.

Satu dongengan yang diceritakan oleh salah seorang responden, nama asal kampung ini ialah 'Bukit Setambun Tulang'. Sebabnya ialah

---

[1] Banggol Saman. Banggol bermakna suatu kawasan tanah tinggi. Perkataan tersebut merupakan sebutan dialek Kelantan.

dalam masa pembukaan kampung ini oleh Tok Saman dan kedatangan beberapa orang dari ahli keluarganya, telah berlaku banyak kematian akibat diserang penyakit sejuk dan mayat mereka ditanam di suatu kawasan tinggi. Lama kelamaan tulang-tulang mayat tersebut menjadi banyak, tinggi dan bertambun,[2] sehinggakan kekal nama tersebut buat beberapa ketika. Apabila semakin ramai penduduk mendiami kawasan ini, ini telah menyebabkan kerajaan Inggeris ketika itu mengiktirafnya sebagai sebuah kampung.

Timbulnya nama 'Saman' ini adalah disebabkan kampung ini telah disaman oleh kerajaan kerana penduduknya tidak membayar hasil kepada pemerintah ketika itu. Secara kebetulan pula dengan perkataan 'Saman' yang membawa dua maksud iaitu nama tokoh awal perintis pembukaan kampung ini dan denda yang dikenakan oleh pemerintah menjadikan kampung ini kekal dengan nama seperti yang diketahui iaitu, Kampung Banggol Saman.

## 2.2 Latarbelakang Segi Geografi-Politik

Kampung ini terletak di dalam pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Pecahannya pula, terletak di bawah jagaan Penggawa Daerah Bukit Jawa dan pecahan kecilnya pula di bawah pengawasan Penghulu Mukim Jerus. Anehnya, kampung ini ditadbirkan

---

[2] Bertambun. Juga sebutan yang berasal dari dialek Kelantan yang membawa maksud bertimbun atau suatu himpunan yang bertindih antara satu sama lain.

oleh dua mukim pada peringkat kampung. Mukim Jerus mengawasi akan pembangunan dan sosial kampung manakala Mukim Bukit Merbau pula di bawah penghulu yang berasingan mengawasi akan hal-hal pentadbiran tanah di kampung ini.

Pada pendapat pengkaji, keadaan begini iaitu tiada penyelarasan pengawasan peringkat mukim menjadikan kampung ini seringkali ketinggalan dalam menikmati pembangunan di dalam negara yang telah lama merdeka ini. Inilah merupakan salah satu fenomena yang terawal sekali dapat diperhatikan dalam kajian ini.

Kedudukan kampung ini jauh di pedalaman iaitu kira-kira 18 kilometer dari Pasir Puteh dan kira-kira 35 kilometer dari Kota Bharu. Pekan terdekat ialah Kok Lanas sejauh 2 kilometer. Perhubungannya adalah melalui jalan berturap dari Kampung Danan sejauh 1 kilometer dan jalan masuk melalui bekas tanah merah sejauh 4 kilometer lagi.

Dari segi pentadbiran, ketua kampungnya ialah Encik Hussain bin Deraman. Penghulu bagi Mukim Jerus ialah Haji Yunus bin Besar manakala penghulu Mukim Bukit Merbau ialah Encik Nik Will bin Nik Leh. Kampung ini termasuk di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri kawasan Selising dengan wakil rakyatnya, Y.B. Wan Mohamad Abu Bakar dan kawasan Parlimen Pasir Puteh, Y.B. Wan Mohd. Najib Wan Mohamad (mengikut kawasan pilihanraya lama sebelum pemecahan kawasan baru semasa kajian). Kini termasuk di dalam kawasan Parlimen Kok Lanas.

## 2.3 Penduduk dan Penempatan

Mengikut banci penduduk Mukim Jerus oleh Pejabat Penggawa Bukit Jawa 1985, dari seramai 1386 orang jumlah penduduk mukim ini, 219 orang adalah jumlah sebenar penduduk kampung kajian.

Jadual 1: Keramaian Penduduk Mukim Jerus

| Kampung | Bil. Rumah | Bil. Keluarga | Melayu L | Melayu P | Cina L | Cina P |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kampung Danan | 86 | 93 | 253 | 244 | - | - |
| Kampung Jerus | 65 | 68 | 196 | 157 | - | - |
| Kampung Bt. Akar | 66 | 66 | 150 | 159 | 13 | 13 |
| Kampung Banggol Saman | 56 | 52 | 109 | 110 | - | - |

Catitan: L = Lelaki P = Perempuan

Jadual 2: Pecahan Penduduk Kampung Banggol Saman

| Bawah 12 Tahun | | 12 Tahun-21 Tahun | | 21 Tahun Ke Atas | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| L | P | L | P | L | P | |
| 50 | 46 | 21 | 19 | 38 | 45 | 219 |

Catitan: L Lelaki P = Perempuan

Sumber: Profail Daerah Bukit Jawa (Pejabat Penggawa)

Dari Jadual 2, didapati bahawa sebanyak sebanyak 43.8% penduduk di kampung ini terdiri daripada anak-anak di bawah 12 tahun,

University of Malaya

18.2% berumur di antara 12 - 21 tahun dan selebihnya 38% adalah terdiri daripada golongan yang berumur 21 tahun ke atas. Ini bermakna golongan yang berusia di bawah 21 tahun iaitu 62% merupakan majoriti penduduk di kampung ini. Perbezaan yang ketara di antara usia ini adalah disebabkan mereka mempunyai bilangan keluarga yang besar iaitu melebihi lima orang. (Ini akan didapati dalam bab selanjutnya).

Keseluruhan penduduk kampung ini terbahagi kepada 109 orang penduduk lelaki dan 110 orang penduduk wanita yang mewakili 52 buah keluarga dan mendiami 56 buah rumah.

Dilihat dari segi penempatan komuniti perkampungan ini, secara keseluruhannya mereka tinggal di dalam rumah yang dibuat daripada papan dan lokasi penempatan mereka bercorak berjajar yakni di sepanjang jalan berhampiran dengan sawah padi. Ada juga yang berselerak terutama di kawasan kebun-kebun kecil getah.

## 2.4 Kemudahan Asas

Kampung ini dihubungkan oleh beberapa Jalan Penggawa (Jalan yang diusahakan oleh Penggawa). Ini termasuk Jalan Banggol Saman iaitu dari Jalan Besar Kota Bharu ke Pasir Puteh melalui Danan ke Banggol Saman sejauh 3.5 batu. Jalan Pak Ngah Wil iaitu dari Banggol Saman ke Taliair Besar Banggol Saman sejauh 0.25 batu dan Jalan Buluh Duri yang menghubungkan Sekolah Kebangsaan Banggol Saman

ke Kampung Buluh Duri terus ke Cabang Jalan Kampung Baru Pupuh sejauh 2 batu. (Lihat Fail Penggawa Daerah Bukit Jawa, 85: 26).

Terdapat sebuah dewan dibina oleh Risda dijadikan tempat himpunan penduduk untuk tujuan bermesyuarat dan lain-lain upacara bagi kemudahan penduduk. Ianya juga dijadikan sebagai Taman Bimbingan Kanak-Kanak anjuran Risda yang mempunyai keahlian seramai 12 lelaki dan 14 orang perempuan.

Juga, terdapat sebuah sekolah kebangsaan di kampung ini bagi menampung pembelajaran peringkat rendah sehingga Darjah 6. Dua buah surau bagi tempat beribadah di samping aktiviti keagamaan lain seperti tempat belajar kitab dan kelas Al-Quran.

Kemudahan lain yang boleh didapati ialah seperti Rancangan Pengairan Kemubu untuk pengairan ke sawah padi. Begitu juga dengan kemudahan memesin kepingan getah juga ada disediakan oleh pihak Risda untuk kegunaan pekebun kecil getah. Kemudahan terbaru yang disediakan oleh pihak pentadbir kawasan ialah penyaluran bekalan air ke rumah-rumah melalui tangki induk. Akan tetapi projek ini tidak memberi kesan yang menyeluruh bagi keseluruhan kampung dan tangki bekalan air ini telahpun menyembah bumi (jatuh).

Keperluan terpenting iaitu bekalan elektrik masih belum lagi dapat dinikmati oleh penduduk setempat walaupun perkampungan sekitarnya sudahpun terlebih awal menikmatinya.

BAB III

KONSEP DAN TEORI KEMISKINAN

## 3.1 Pengenalan

Kemiskinan masih merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh masyarakat dunia kini. Ia bukan wujud hanya di negara-negara sedang membangun, seperti Malaysia, bahkan juga di negara-negara maju dan yang sudah mencapai taraf pembangunan yang tinggi seperti Amerika. Ia tidak semata-mata terdapat dalam masyarakat luar bandar atau pertanian, bahkan juga menjelma dalam masyarakat bandar atau perindustrian. Untuk memahami masalah besar ini bermacam usaha telah dilaksanakan, terutama oleh kerajaan.

(S. Husin Ali, 1983)

Mountfield (1974: 12), mempunyai pendapat yang sama dengan S. Husin Ali dalam membicarakan pengenalan mengenai kemiskinan ini. Beliau menambah, kemiskinan adalah satu fenomena sosial dan boleh dikatakan bahawa 66% penduduk dunia hari ini berada dalam keadaan miskin.

Dengan kata lain, kemiskinan itu terdapat di mana-mana dan ianya tidaklah khusus hanya pada satu-satu tempat saja. Ini terbukti bilamana terdapat berbagai kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana seperti yang terbukti di atas.

University of Malaya

3.1.1 Definisi Kemiskinan

Terdapat berbagai pengertian mengenai konsep kemiskinan. Perbezaan ini timbul akibat dari perbezaan pendekatan kajian. Ahli-ahli sosiologi memberikan pengertian kemiskinan adalah seperti berikut:

> "Poverty may be regarded as subsistence, inequality or externality. Subsistence is concerned with minimum provision needed to maintain health and working capacity.... Inequality is concerned with relative position of income group to each other.... Externality is concerned with the social consequences of poverty for the rest of society rather than in terms of the needs of the poor".
>
> (Martin Rein, 1971: 46)

Ahli-ahli sosiologi melihat kemiskinan tidak semata-mata berdasarkan kepada pendapatan yang diterima oleh seseorang. Mereka berpendapat faktor-faktor lain, seperti pengagihan pendapatan, peluang sosial dan ekonomi juga perlu dilihat di dalam menghuraikan konsep kemiskinan. Kebanyakan ahli sosiologi melihat kemiskinan dalam rangka kerja (framework) masalah sosial. (C. Waxman, 1971: 1). Mereka lebih menumpukan perhatian dalam penghuraian sebab dan akibat kemiskinan yang dialami oleh sesuatu golongan masyarakat.

Manakala ahli-ahli ekonomi berpendapat definisi kemiskinan sebagai ketidakmampuan atau ketidakcukupan untuk memenuhi keperluan asasi. Keperluan asasi itu ialah makanan yang mempunyai nilai

pemakanan yang cukup yang dapat menjamin kesihatan seseorang, pakaian dan rumah kediaman yang dapat melindungi individu dari iklim dan keadaan persekitarannya, dan perkhidmatan awam yang asasi seperti pelajaran, bekalan air dan rawatan kesihatan. (R.S. Mc Namara, 1977: 19). Pendapat ini sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan definisi kemiskinan oleh S. Husin Ali (1983).

Kemiskinan sebenarnya satu konsep yang sukar ditafsirkan. Pernah dikatakan bahawa kemiskinan itu wujud hanya di dalam fikiran; sekiranya seseorang itu adalah miskin jika merasakan atau memikirkan dirinya miskin. Tetapi ini tentunya subjektif dan boleh menafikan keadaan sebenar di dalam masyarakat yang ada kini. Pemikiran ini terlalu pesimistik dan perlu diubah bagi mengatasi kemiskinan.

Di dalam International Encyclopaedia of Social Science pula mendefinisikan kemiskinan sebagai,

> "Not merely economic inequality (of poverty) income, living standard etc.) but also social inequality..."
>
> (1968: 398)

Menurut Gunnar Myrdal kemiskinan sebagai,

> "Social inequality stands as the main cause of economic inequality while at the same time, economic inequality supports social inequality, social and economic inequality stands as the main cause of poverty of the nation..."
>
> (1970: 56-57)

University of Malaya

Rowntree telah membahagikan kemiskinan pada dua jenis iaitu 'primary poverty' iaitu kekurangan dari segi tingkahlaku moral dan kecekapan berfikir. Sementara 'secondary poverty', individu yang mempunyai pendapatan di peringkat sara diri tetapi tidak dapat membelanjakannya untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kehidupan yang baik.

Kamal Saleh memberikan takrif kemiskinan sebagai:

1. Golongan yang tiada mempunyai keupayaan pendapatan.
2. Golongan yang tidak mempunyai 'access' kepada sumber-sumber kuasa sosial, kuasa politik, kuasa pemilikan punca keluaran, pendidikan dan lain-lain.
3. Sebagai golongan yang tidak menikmati keperluan asas (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan) yang cukup mengikut ukuran sarahidup sesuatu masyarakat bandar dan luar bandar.

(1983)

Mengikut takrif kerajaan sendiri golongan miskin,

"... yang menganggur yang tidak berpelajaran penuh yang berpendapatan rendah dalam pertanian, perusahaan dan perkhidmatan".

(RMK, 1971-1975)

Pengkaji berpendapat bahawa masalah kemiskinan juga sebenarnya merupakan masalah politik, sosial, ekonomi bahkan kebudayaan. Jika dianggap sebagai masalah ekonomi saja, maka cara pentafsiran puncanya akan terbatas kepada hanya cara-cara ekonomi saja dan ini boleh menyulit dan menggagalkan usaha-usaha untuk

University of Malaya

memahami serta mengatasi masalah ini. Justeru itu pendekatan sains sosial yang menggunakan pendekatan 'inter-disciplinary' haruslah dan sesuai sekali digunakan.

3.1.2 Ukuran Kemiskinan

Dapat dikenalpasti, ukuran kemiskinan terbahagi kepada ukuran secara mutlak (absolute) dan secara perbandingan (relative).

Penentuan cara mutlak ini dibuat berdasarkan satu standard minima dalam taraf hidup seseorang atau sesebuah keluarga ditetapkan mengikut keperluan makanan, pakaian dan lain-lain serta pendapatan, yang perlu untuk menampung keperluan ini dihitung. Ini disebut garis kemiskinan. Peratus keluarga atau orang yang jatuh di bawah garis kemiskinan ini merupakan saiz kemiskinan.

Disebabkan pendapatan yang diambil sebagai garis kemiskinan ditetapkan secara ikut suka saja berdasarkan kepada situasi dan masa, menjadikan tidak ada ukuran yang mutlak boleh digunakan untuk semua negara di dunia ini.

Malaysia contohnya, garis kemiskinan di negara ini sering berubah mengikut masa dan keadaan. Perubahan yang dapat dilihat seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1978 | - | $250 |
| 1979 | - | $259 |
| 1980 | - | $270 |
| 1981 | - | $300 |
| 1982 | - | $322.30 |
| 1983 | - | $375 |

Sumber: Dr. Abu Asmara Hj. Mohamad, Institut Penyelidikan Getah Malaysia, dalam seminar mengenai Kemiskinan di Alor Setar (1983)

Perubahan yang terjadi sedemikian mungkin disebabkan oleh tingkat pertumbuhan ekonomi negara yang terus naik menjadikan garis kemiskinan ini berlaku begitu.

Garis kemiskinan berbeza antara negara di dunia. Ini disebabkan oleh perbezaan taraf hidup, keadaan ekonomi, adat resam dan kebiasaan sesebuah negara. Di samping itu proses modenisasi dan industrialisasi yang kian berkembang akan menimbulkan pula keperluan asasi yang baru yang boleh mempengaruhi garis kemiskinan.

Kerana itu pengukuran kemiskinan mestilah 'diagostik' yang dapat menentukan bukan saja punca-punca dan proses-proses yang melanjutkan kemiskinan, tetapi juga kesan-kesan faktor yang memerlukan 'monitoring system'.

Pendekatan perbandingan (relative) ialah membandingkan kemiskinan dengan keadaan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhan iaitu yang secara terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat tersebut. Oleh itu boleh dikatakan, seseorang itu miskin apabila pendapatannya menunjukkan kurang daripada pendapatan purata penduduk. Dengan kata lain, ukuran jenis kedua ini lebih menekankan aspek kemasyarakatan yang berkaitan dengan susunlapis masyarakat dan ketidaksamaan sosio-ekonominya yang menyebabkan terjadinya ukuran sedemikian.

Walaupun pendekatan ini tidak perlu mendefinisikan keperluan mutlak tetapi ia hanya dapat digunakan dengan tepat dan berkesan jika ada data lengkap tentang taraf hidup serta pola ketidaksamaan ekonomi yang wujud di dalam masyarakat.

Adalah lebih berfaedah jika menggunakan kedua-dua ukuran ini sekaligus supaya dengan cara ini kekurangan yang mungkin timbul dari salah satu ukuran dapat diatasi oleh ukuran yang satu lagi. Gabungan kedua ukuran mutlak dan perbandingan ini boleh dipanggil 'pendekatan diskriptif' yang ada sistem petunjuk 'multi-dimensional' yang memberi gambaran sepenuhnya kedudukan kemiskinan (pendapatan, pendidikan, pekerjaan, lokasi dan lain-lain lagi), di mana dipanggil 'profail kemiskinan' dan membolehkan kumpulan sasaran dikenali atau dikesan.

3.1.3 Teori Kemiskinan

Berbagai teori kemiskinan telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana. Antaranya menekankan tentang personaliti dan budaya. Teori ini dapat dilihat dari beberapa orang pengkaji Barat yang memperkatakannya mengenai Tanah Melayu. Sifat-sifat, ciri perseorangan dan budaya dianggap negatif dan menyekat usaha-usaha untuk mendapatkan kekayaan dan kemajuan.

Sering diperkatakan bahawa orang-orang Melayu miskin disebabkan mereka mempunyai sifat malas, pemboros dan percaya pada nasib dan rezeki, tidak mempunyai dorongan yang tinggi dan sebagainya. Sifat ini wujud daripada pengaruh kebudayaan lama dan ia perlu diubah akan cara pemikiran ini supaya menjadi moden dan lebih sesuai untuk mencapai kekayaan dan kemajuan ekonomi.

Tuduhan malas ke atas orang Melayu adalah tidak tepat. Di antara golongan Melayu yang paling miskin sekali ialah nelayan, petani dan penoreh getah. Adakah mereka ini dianggap malas sedangkan masa yang ditumpukan dan tenaga yang dicurahkan adalah lebih banyak daripada lain-lain pekerjaan. Ianya juga bergantung kepada musim. Walaupun mereka hidup bertungkus lumus, sentiasa memerah tenaga berterusan, tetapi hidup mereka masih dalam kemiskinan.

Brian Parkinson di dalam artikelnya, 'Non-Economic Factor in the Retardation of the Rural Malay' mengatakan fahaman Islam juga

menyebabkan kemunduran orang Melayu iaitu dengan adanya konsep rezeki dan nasib. Sikap fatalisme ini tidak mendorong untuk menguasai atau melalui perubahan dan ini menghalang kemajuan orang Melayu di bidang ekonomi.

Pengkaji menentang teori ini dan di samping itu Wilder salah seorang pengkaji Barat juga menentang teori ini. Pengkaji sependapat dengan Wilder yang menyatakan di dalam Islam juga terdapat apa yang disebut sebagai <u>usaha dan ikhtiar</u>. Sekiranya ada anggapan bahawa rezeki dan nasib itu boleh ditentukan oleh Tuhan, maka kuasa usaha dan ikhtiar boleh timbul dari manusia itu sendiri. Perlu diingatkan bahawa konsep Qada dan Qadar juga tidak boleh dipandang sepi dalam menentukan rezeki manusia. Ianya salah satu Rukun Iman yang wajib dipercayai oleh setiap umat Islam.

Jika dikatakan tiada kesungguhan di dalam melakukan kerja dan hanya berpuas hati dengan apa yang dicapainya oleh orang Melayu, pengkaji bersetuju. Ini bertepatan dengan konsep 'rezeki secupak takkan jadi segantang' menunjukkan mereka hanya berpuas hati dengan apa yang diperolehinya dan konsep 'ulat dalam batu pun boleh makan' menunjukkan bahawa mereka tidak ada kesungguhan untuk mendapatkan lebihan bilamana hanya mengharapkan sesuatu yang minima saja untuk hidup. Tetapi ini tidaklah merangkumi semua yang digelar Melayu, cuma segelintir saja.

Terdapat juga teori yang menekankan bahawa punca kemiskinan ialah kerana penambahan bilangan penduduk yang lebih cepat daripada perkembangan ekonomi. Keadaan ini akan menyebabkan pendapatan per kapita akan bertambah kecil dari setahun ke setahun. Bagi mengatasi masalah ini digalakkan perancang keluarga supaya pembebanan bilangan penduduk itu terkawal. Ini adalah lanjutan teori Malthus.

Pendapat ini juga pengkaji tentang kerana jika teori ini diamalkan, ianya tidak dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi dan sosial. Contohnya, jika keluarga kecil sekalipun dan jika pendapatan tidak berubah tetapi harga barangan keperluan meningkat, sudah tentu kehidupan mereka masih di tahap yang miskin juga.

Di dalam Islam, perancang keluarga ini haram sama sekali jika melaksanakan teori ini. Mengenai rezeki, Allah telah berfirman di dalam Surah Al-Israa': 3 yang bermaksud, 'Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu'.

Satu lagi dalil Al-Quran yang menunjukkan bahawa kebanyakan teori Barat tidak dapat diterima sepenuhnya adalah berdasarkan ayat 32, Surah An Nuur, 'Jika mereka miskin Allah akan memampukan mereka dengan kurniaNya. Dan Allah Maha luas (pemberianNya) lagi Maha Mengetahui'.

Satu lagi teori yang dikatakan penyebab kemiskinan ialah daya pengeluaran yang rendah, kekurangan teknologi moden dan modal. Jika modal yang tinggi digunakan maka pembangunan akan wujud dan rakyat menjadi kaya. Alat-alat jentera moden dikatakan boleh menambahkan hasil petani dan seterusnya meningkatkan kedudukan petani. Namun begitu, penggunaan jentera moden adalah tidak ekonomik digunakan oleh pekebun kecil di Malaysia. Ini kerana saiz tanah kecil dan bertaburan, cukup dikerjakan dengan menggunakan tenaga keluarga saja.

3.2 Kemiskinan di Malaysia

Menurut kajian S. Othman Alhabshi, 1985 (Generasi, April 1985), secara keseluruhannya, 42.8% dari penduduk Malaysia dikatakan berpendapatan kurang dari $76.80 sen sebulan (berdasarkan kepada garis kemiskinan yang ditakrifkan sebagai $384 sebulan bagi isirumah lima orang). Kelompok ini dikenalpasti sebagai pekebun kecil kelapa, penanam padi, nelayan, pekerja kilang dan lain-lain.

Bagi kemiskinan di peringkat negeri pula, sekurang-kurangnya lima negeri mempunyai peratus kemiskinan yang melebihi dari peratus kemiskinan kebangsaan. Negeri yang mempunyai isirumah dengan peratus yang paling tinggi ialah Kedah (64%), Trengganu (58.9%), Kelantan dan Perlis (57.4%) dan Pahang (49.1%).

Namun begitu, dari perangkaan yang telah dikesan bagi tahun-tahun antara 1970-1980 menunjukkan kadar kemiskinan di dalam sektor pertanian telah menurun pada kadar 32.5% berbanding penurunan kemiskinan dalam sektor bukan pertanian sebanyak 39.6%. Dalam tahun 1980 (RME) telah menyatakan, kemiskinan telah berkurangan ke paras 29.7%.

Malaysia adalah sebuah negara membangun di mana pertanian masih memainkan peranan penting. Kawasan kampung merupakan tempat berlangsungnya kegiatan pertanian. Daripada sejumlah 14 juta penduduk di negara ini, lebih 60% tinggal di kampung. Lebih daripada 70% dari orang Melayu adalah penduduk kampung dan mereka merupakan kira-kira 67% daripada keseluruhan penduduk luar bandar yang bergiat dalam sektor pertanian. Kerana ini secara terperinci faktor penyebab kemiskinan dalam sektor pertanian kampung adalah seperti:-

(a) Kadar bilangan penduduk terlalu tinggi yang bergantung kepada pertanian.

(b) Keluasan tanah atau ladang pertanian yang kecil dan tidak ekonomik.

(c) Daya pengeluaran rendah.

(d) Kekurangan teknik, kredit, bantuan dan kemudahan pasaran.

(e) Inflasi serta kenaikan harga barang kegunaan harian atau pertanian yang tidak terkawal serta lain-lain lagi.

(Pandangan PSRM, Watan, 13-16 Ogos 1985)

Berdasarkan huraian yang dikemukakan mengenai teori dan konsep kemiskinan, pengkaji berpendapat bahawa komuniti perkampungan ini adalah salah satu daripada yang tergolong dalam fenomena kemiskinan dan sudah sewajarnya menjadi fokus kajian kemiskinan. Ini kerana kampung ini memiliki beberapa ciri yang telah diperbincangkan yang menyebabkan ianya tergolong dalam kemiskinan.

3.3 <u>Hipotesis</u>

"Hipotesis ialah suatu saranan sementara mengenai hubungan di antara dua angkubah (atau lebih) yang didapati melalui deduksi".

(Ahmad Mahzan Ayub, 1983: 16)

Di dalam penyelidikan, hipotesis bertujuan untuk menjadi garis panduan semasa kajian dan antara hipotesis dan penyelidikan berhubungkait satu sama lain. Semasa penyelidikan dibuat, beberapa hipotesis telah digunakan antaranya:

(a) Peningkatan pendapatan dan penggunaan sepenuhnya kemudahan dan kemodenan pertanian boleh mengurangi beban kemiskinan.

University of Malaya

(b) Dengan perubahan sikap dan bekerja bersungguh-sungguh di samping mempelbagaikan kegiatan ekonomi dapat mengurangkan beban kemiskinan.

(c) Faktor-faktor alam sekitar juga mempengaruhi masalah kemiskinan.

(d) Pendidikan dan pembelajaran merupakan salah satu bekalan hidup dan cara untuk mengatasi masalah hidup dalam menghadapi fenomena kemiskinan.

University of Malaya

# BAB IV

## POLA EKONOMI DAN PENDIDIKAN SETEMPAT

### 4.1 Pola Kegiatan Ekonomi

Keseluruhannya, penduduk kampung ini terlibat dalam aktiviti pertanian. Di samping itu bidang-bidang lain juga terlibat sama. Jadual di bawah menggambarkan tentang pola kegiatan ekonomi mereka.

Jadual 3: Jenis Kegiatan Ekonomi Kampung

| Bidang Pekerjaan | Bilangan | % |
|---|---|---|
| A. Pertanian | | |
| - Penoreh Getah | 22 | 70 |
| - Pesawah Padi | 14 | |
| B. Perniagaan | | |
| - Kedai Runcit | 2 | 4 |
| C. Perkhidmatan | | |
| - Drebar Bas | 1 | |
| - Tukang Gunting Rambut | 1 | |
| - Tukang Rumah | 2 | 8 |
| D. Pengeluaran | | |
| - Pengimpal | 2 | 4 |
| E. Buruh | | |
| - Buruh Binaan | 7 | 14 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

University of Malaya

Pertanian merupakan pekerjaan dominan di kampung ini. 70% penduduknya bergiat dalam bidang ini. Mereka terdiri dari golongan penoreh getah dan pesawah padi. Bilangan kedua besarnya adalah golongan buruh. Mereka merupakan pekerja buruh binaan yang bekerja mengikut musim, iaitu akan berpindah dari satu tempat ke tempat lain jika tenaga mereka sudah tidak diperlukan lagi. Mereka mendapat upah dari majikan mereka. 14% daripada penduduk kampung ini bekerja sebagai buruh. Lain-lain kegiatan seperti pekedai runcit sebanyak 4% yang menjual barangan keperluan harian seperti bawang, gula, garam dan sebagainya. Manakala 8% lagi bekerja sebagai drebar bas, tukang gunting rambut dan tukang rumah.

4.1.1 Pola Pendapatan

Pekerjaan yang dilakukan adalah untuk mendapatkan wang bagi menyara hidup keluarga. Jadual 4 menjelaskan pendapatan bulanan yang didapati oleh setiap ketua keluarga setelah dicampur pendapatan dari kerja tetap dan kerja sampingan mereka.

Jadual 4 jelas menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan $260 ke bawah merupakan jumlah yang teramai sekali iaitu 52%, manakala 48% pula berpendapatan $260 ke atas. Yang berpendapatan kurang dari $260, mereka ini sebilangan besarnya terdiri dari golongan penanam padi dan penoreh getah. Hanya sebilangan kecil petani dan penoreh serta mereka yang bekerja di bidang-bidang perniagaan, perkhidmatan dan buruh, berpendapatan melebihi $260.

Jadual 4: Pendapatan Ketua Rumah

| Pendapatan ($) | Bilangan | % |
|---|---|---|
| 0 - 130 | 9 | 18 |
| 131 - 260 | 17 | 34 |
| 261 - 390 | 19 | 38 |
| 391 + | 5 | 10 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Angka-angka di atas menegaskan, secara keseluruhannya penduduk kampung ini berada di tahap kemiskinan jika ukuran kemiskinan kebangsaan dijadikan landasan iaitu $385 bagi setiap 5 ahli keluarga. Mereka ini terdiri dari berbagai golongan yang bergiat dalam berbagai aktiviti ekonomi seperti yang dijelaskan di atas.

4.1.2 Bilangan Tanggungan

Sebilangan besar penduduk di kampung ini mempunyai saiz keluarga yang besar. Sejumlah 36 dari 50 buah keluarga atau 72% mempunyai ahli keluarga melebihi 4 orang. Cuma 14 keluarga atau 28% saja yang mempunyai kurang dari 3 orang ahli keluarga. Justeru itu, sudah pastilah pendapatan yang kurang dari $390 sebulan itu tidak mencukupi untuk menyara ahli keluarga yang besar saiznya. Tambahan pula jika seorang sahaja yang bekerja. Komuniti di sini adalah miskin kerana mengikut teori ukuran pendapatan, setiap keluarga yang mempunyai

lima orang ahli keluarga dengan pendapatan kurang daripada $385 sebulan dianggap sebagai miskin.

Jadual 5 di bawah menggambarkan tentang bilangan ahli keluarga di Kampung Banggol Saman.

Jadual 5: Umur Ketua Keluarga dan Bilangan Tanggungan

| Umur | Bilangan Tanggungan | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | 0 - 3 | 4 - 7 | 8 - 11 | 12 + | |
| 20 - 33 | 7 | 6 | 1 | - | 14 |
| 34 - 47 | 2 | 12 | 4 | - | 18 |
| 48 - 61 | 3 | 5 | - | 1 | 9 |
| 62 - 69 | 2 | 4 | 3 | - | 9 |
| JUMLAH | 14 + | 27 + | 8 + | 1 | 50 |

4.1.3 Pola Perbelanjaan

Jumlah pendapatan yang diperolehi itu dibelanjakan untuk keperluan hidup. Mereka membelanjakannya untuk membeli barangan keperluan harian seperti ikan, sayur dan barang dapur yang lain. Perbelanjaan juga termasuklah pembelian rokok serta belanja harian persekolahan anak-anak. Jadual 6 menunjukkan perbandingan antara pendapatan bulanan yang diperolehi dengan jumlah perbelanjaan bulanan bagi setiap keluarga.

Jadual 6: <u>Perbelanjaan Bulanan Keluarga</u>

| Pendapatan ($) | Jumlah | Perbelanjaan ($) | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 0-130 | 131-260 | 261-390 | 391+ | |
| 0 - 130 | 9 | 1 | 1 | 7 | - | 9 |
| 131 - 260 | 17 | - | 4 | 8 | 5 | 17 |
| 261 - 390 | 19 | 1 | 1 | 8 | 9 | 19 |
| 391 + | 5 | - | - | 1 | 4 | 5 |
| JUMLAH | 50 | 2 | 6 | 24 | 18 | 50 |

Dari data di atas, 42 keluarga atau 84% berbelanja melebihi $261 bagi setiap bulan. Dari jumlah 42 keluarga ini, 7 keluarga atau 14% yang berpendapatan kurang $130 termasuk dalam kategori ini. Begitu juga dengan 13 keluarga yang berpendapatan kurang dari $260 juga berbelanja melebihi pendapatan mereka. Perkara ini terjadi kerana tekanan hidup. Sebabnya harga barangan yang terus meningkat, perbelanjaan sekolah anak-anak dan sebagainya. Keseluruhannya berbelanja lebih dari pendapatan ini adalah dengan cara berhutang dulu dan dibayar secara beransur-ansur setiap bulan. Contohnya seperti mengambil barang keperluan dapur seperti beras, gula dan sebagainya dari kedai yang terdapat di kampung.

Agihan pendapatan yang tidak seimbang ini menyebabkan mereka berada dalam kemiskinan. Walaupun mereka kerja lebih dan mendapat wang, namun ianya digunakan untuk membayar hutang. Kehidupan

mereka seperti berada di dalam golongan kemiskinan seperti yang pernah dibincangkan oleh para sarjana sosiologi mengenai masalah kemiskinan.

Dalam Jadual 7, ditunjukkan tentang perbelanjaan persekolahan anak-anak dalam setahun. Perbelanjaan ini meliputi belanja harian ke sekolah antara 10 - 30 sen, yuran penggal dan persatuan serta belanja peralatan sekolah seperti buku tulis, beg, alatulis dan pakaian.

Jadual 7: Purata Perbelanjaan Sekolah Setahun

| Perbelanjaan ($) | Bilangan |
|---|---|
| 0 - 99 | 3 |
| 100 - 199 | 13 |
| 200 - 299 | 8 |
| 300 - 399 | 4 |
| 400 + | 2 |
| JUMLAH | 30 |

Sejumlah 30 orang responden yang memberikan kenyataan mengenai perbelanjaan persekolahan anak mereka. Selebihnya, tidak mempunyai anak yang bersekolah dan ada pula yang lainnya, tidak memberikan apa-apa maklumat. Dari 60% keluarga yang ditemui, sebanyak 24 keluarga atau 48% membelanjakan sebanyak $300 setahun

bagi membiayai persekolahan anak-anak. Selebihnya 12 keluarga atau 24% lagi berbelanja melebihi $300. Untuk itu hitung panjang perbelanjaan bulanan persekolahan anak-anak bagi setiap keluarga ialah lebih kurang $33.

4.1.4 Tabungan

Tabungan atau simpanan yang dimaksudkan di sini ialah mengenai simpanan bentuk wang bagi setiap keluarga. Kebanyakan ketua keluarga menyimpan wang dalam bentuk sementara saja. Ini bermakna mereka menyimpan wang jika ada wang lebih dan wang ini akan digunakan pula bila wang dalam tangan habis. Jadual 8 di bawah menunjukkan simpanan yang telah sedia ada pada masa kajian dibuat.

Jadual 8: Simpanan Keluarga

| Simpanan ($) | Bilangan | % |
|---|---|---|
| 0 - 150 | 40 | 80 |
| 151 - 300 | 5 | 10 |
| 301 - 450 | 2 | 4 |
| 451 - 600 | 1 | 2 |
| 600 + | 2 | 4 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

80% daripada keluarga di sini hanya ada menyimpan wang sekitar $150. Ianya bukanlah simpanan yang dibuat dari dulu, tetapi

secara kebetulan pada masa kajian dibuat, mereka baru saja mendapat hasil dari jualan getah. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan kecil di antara mereka telah menyimpan melebihi $400. Di antara mereka ini menyimpan wang dalam bentuk Amanah Saham Nasional dan mereka ini berupaya berbuat demikian kerana mereka adalah tuan-tuan punya tanah dan kebun getah yang luas.

Fenomena yang seronok dilihat ialah cara mereka menyimpan wang. Ada yang masih menyimpan di bawah tilam, di dalam tabung buluh atau diberikan pada seseorang yang dipercayai untuk menyimpannya. Walaupun cara menyimpan seperti ini kalau dilihat, tidak digalakkan dari segi keselamatan. Namun menabung adalah merupakan satu tabiat yang baik untuk diamalkan.

## 4.2 Pendidikan

### 4.2.1 Jenis Pendidikan Yang Wujud

Pengalaman boleh mengajar seseorang itu menjadi lebih matang, dinamik dan tabah berusaha untuk mengubah hidup jika keadaan memerlukan demikian. Dengan kata lain, pendidikan seolah-olah mesin untuk menanamkan matlamat order baru ke dalam pemikiran.

(R. Siegel, 1970)

Pendidikan boleh diterima dari berbagai sumber. Samada ianya melalui sekolah atau dipelajari secara lisan dan secara disosialisasikan oleh keluarga. Ianya juga boleh didapati melalui

media massa seperti akhbar, radio dan televisyen. Di dalam komuniti ini terdapat dua jenis pendidikan iaitu pendidikan sekular dan pendidikan agama.

(a) Pendidikan Sekular

Pendidikan sekular merupakan pendidikan yang lebih berorientasikan keduniaan. Pembelajaran melalui sekolah yang ada sekarang merupakan salah satu daripada contohnya. Penekanan di sini adalah mengenai pembelajaran di sekolah semata-mata.

Sekolah Rendah telahpun wujud di kampung ini sejak tahun 1978, cuma sekarang ini ianya mempunyai bangunan batu yang baru. Ia mempunyai 15 orang tenaga pengajar dan sejumlah 350 orang pelajar. Sekolah merupakan alat kawalan sosial (social control) di samping menjadi tempat menyebarkan ilmu pengetahuan melalui sukatan-sukatan tertentu. Karier (1973) menyatakan bahawa sekolah menjadi agensi yang diberi tanggungjawab untuk menjaga ketenteraman dan kesatuan sosial, sambil menanamkan kod-kod kelakuan dan nilai-nilai sosial yang akan menentukan kestabilan perhubungan yang sedia ada.

Sekolah merupakan tempat sumber pendidikan formal bagi anak-anak kampung ini dan kampung sekitarnya. Pelajaran diajar secara langsung oleh guru-guru yang terlatih dan setiap penggal pencapaian akademik murid-murid dinilai untuk melihat kekesanan penerimaan mereka mengenai sesuatu yang diajarkan. Sekolah bermula

dari jam 7.45 pagi hingga 12.45 tengahari dan selepas itu anak-anak bebas dari lingkungan yang formal ini.

(b) Pendidikan Agama

Pendidikan ini penting untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Secara keseluruhan anak-anak dan penduduk di kampung ini secara tidak disedari lebih mementingkan pendidikan agama. Mereka belajar agama di madrasah yang ada di kampung mereka dan di sekitarnya seperti di Bukit Abal, Melor dan Sungai Durian walaupun jaraknya jauh dari tempat tinggal mereka. Hari Jumaat diperuntukkan sebagai hari mereka pergi ke tempat ini untuk mendengar pengajaran agama terutamanya ilmu akhirat seperti ilmu fikah, tauhid dan sebagainya.

Sekumpulan penduduk mengikut kelas Al-Quran melalui kelas agama anjuran Jabatan Agama Islam Kelantan (JAIK) bertempat di salah sebuah madrasah di kampung ini. Dan ini bertepatan dengan apa yang pernah diucapkan oleh Lebai Razak, seorang guru agama kepada Sir Stamford Raffles di Melaka pada awal abad ke-19 seperti mana kata beliau,

> "Orang yang empunya anak-anak ini menyuruh ajarkan Quran dulu. Maka kalau sudah ia dapat Quran kemudian boleh belajar Bahasa Melayu..."
>
> (Awang Had Salleh, 1980: 1)

Ianya bermaksud, hendaklah diutamakan pelajaran agama dulu dan selepas itu barulah diikuti oleh ilmu-ilmu lainnya.

4.2 Tahap Pendidikan

Dalam Jadual 9, ditunjukkan tahap atau tingkat pendidikan ketua keluarga kawasan kajian.

Jadual 9: Tahap Pendidikan Ketua Keluarga

| Kategori | Bilangan |
|---|---|
| Tidak Sekolah | 27 |
| Sekolah Arab | 1 |
| Darjah 1 - 3 | 9 |
| Darjah 4 - 6 | 8 |
| Tingkatan 1 - 3 | 4 |
| JUMLAH | 50 |

Dari Jadual 9 dan 10, terdapat sebanyak 54% atau 27 ketua keluarga tidak bersekolah berbanding dengan 17 orang atau 34% daripada mereka yang pernah bersekolah rendah. Manakala hanya 4 orang saja yang mencapai ke tahap sekolah menengah setakat Tingkatan 3 dan cuma seorang saja yang berpendidikan sekolah Arab.

Jadual 10: <u>Pecahan Mengikut Umur</u>

| | Umur Ketua Keluarga | | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 20-26 | 27-33 | 34-40 | 41-47 | 48-54 | 55-61 | 62-68 | 69+ | |
| Tidak Bersekolah | - | 2 | 3 | 6 | 5 | 3 | 6 | 2 | 27 |
| Sekolah Arab | - | - | - | - | - | - | 1 | - | 1 |
| Darjah 1 - 3 | - | 6 | 2 | - | - | 1 | - | - | 9 |
| Darjah 4 - 6 | 1 | 1 | 5 | 1 | - | - | - | - | 8 |
| Tingkatan 1 - 3 | 3 | 1 | 1 | - | - | - | - | - | 4 |
| JUMLAH | 4 | 10 | 11 | 7 | 5 | 4 | 7 | 2 | 50 |

University of Malaya

Mereka yang tidak bersekolah ini merupakan generasi di mana pada waktu mereka sepatutnya bersekolah, negara masih di dalam proses mencapai kemerdekaan. Sekolah tiada di kampung mereka waktu itu. Tambahan pula lokasi kampung mereka jauh dari Kota Bharu tidak memungkinkan mereka ke sana. Sebanyak 44% atau 22 orang yang berumur lebih 41 tahun mengalami fenomena ini seperti yang digambarkan dalam Jadual 10. Ketidakmampuan keluarga disebabkan oleh kemiskinan juga menjadikan faktor utama mengapa mereka tidak bersekolah.

Manakala mereka yang berumur antara 20 - 40 tahun, adalah terdiri dari mereka yang pernah bersekolah. Ini kerana mereka merupakan generasi selepas merdeka yang berpeluang pergi ke sekolah kerana di kampung sekitar seperti di Ketereh dan Pak Badul telahpun ada sekolah. Ini berbeza dengan golongan yang hidup sebelum merdeka. Cuma seorang responden yang bersekolah Arab. Itupun kerana dia berasal dari kampung lain yang telah berhijrah ke kampung ini 30 tahun yang lalu.

Ekoran dari ini, Charles Hirschman (1969), di dalam Ibrahim Saad (1981) pernah membuat satu analisis statistik tentang kehadiran sekolah bagi semua bangsa di Tanah Melayu pada zaman penjajah. Dia mendapati bahawa masalah utama orang Melayu adalah masalah 'access' (iaitu tidak ada sekolah yang cukup atau dekat dengan rumah mereka). Angka kehadiran yang rendah bukanlah disebabkan oleh lain-lain hal, misalnya sikap fizikal, seperti miskin atau

sikap tidak mementingkan pelajaran dan lain-lain. Ini dengan sendirinya telah menolak teori yang mengatakan orang Melayu malas seperti mana pendapat setengah sarjana Barat. Sebaliknya kemiskinan disebabkan oleh kekurangan peluang dan 'access' seperti mana yang diperkatakan oleh Hirschman, Kamal Saleh dan juga S. Husin Ali.

Walau bagaimanapun, anak-anak responden ramai yang bersekolah tidak seperti setengah ibubapa mereka. Generasi baru ini telah disediakan kemudahan pembelajaran oleh pihak kerajaan. Umpamanya, terdapat sekolah yang dibina dalam kampung ini terdapat bantuan buku teks, tenaga pengajar yang cukup dan terlatih. Oleh yang demikian terdapat perbezaan yang nyata antara tingkat pelajaran anak-anak dengan ketua keluarga seperti ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11: Tingkat Pelajaran Anak-Anak Responden

| Taraf Pendidikan | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Belum Bersekolah | 51 | 30.7 |
| Darjah 1 - 3 | 30 | 18.0 |
| Darjah 4 - 6 | 42 | 25.3 |
| Tingkatan 1 - 3 | 26 | 15.7 |
| Tingkatan 4 - 5 | 11 | 6.6 |
| Tingkatan 6+ | 1 | 0.6 |
| Tidak Bersekolah | 5 | 3.0 |
| JUMLAH | 166 | 100.0 |

Dapat diperhatikan bahawa cuma 3% daripada keseluruhan anak-anak di kampung ini tidak bersekolah berbanding dengan 54% daripada ibubapa mereka yang tidak bersekolah. Secara perbandingan, didapati bahawa 43.3% dari anak-anak di kampung ini berada di tahap peringkat sekolah rendah. Sebanyak 32.9% daripada jumlah keseluruhannya pula berada pada peringkat sekolah menengah. Manakala 30.7% lagi masih belum bersekolah.

Adalah jelas di sini, kemiskinan yang mereka hadapi tidak menghalang komuniti kampung ini menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Melalui pendidikan sahaja beberapa order baru dalam pemikiran boleh diperolehi dan ini diharapkan dapat melahirkan generasi baru yang berpelajaran setinggi yang mungkin.

University of Malaya

# BAB V

# MASALAH-MASALAH, SIKAP DAN KAITANNYA DENGAN KEMISKINAN

## 5.1 Masalah Pertanian

### 5.1.1 Tanah

Tanah merupakan modal utama dalam pengeluaran pertanian. Tanpa tanah, tiadalah pertanian. Ia memainkan peranan penting di dalam menentukan corak pertanian kerana ianya adalah punca pengeluaran utama di samping tenaga buruh dan modal. Dalam masyarakat pertanian terutamanya, tanah ialah suatu faktor ekonomi yang penting.

Pola pemilikan tanah oleh penduduk kampung ini dapat dilihat dalam Jadual 12 di bawah.

Jadual 12: Pemilikan Tanah Oleh Ketua Keluarga

| Luas (Ekar) | Bilangan | % |
|---|---|---|
| Tiada Tanah | 8 | 16 |
| $\frac{1}{4}$ - 1 | 29 | 58 |
| 2 - 3 | 7 | 14 |
| 4 - 5 | 2 | 4 |
| 6 - 7 | 2 | 4 |
| 8 + | 2 | 4 |
| JUMLAH | 50 | 100 |

Dari Jadual 12, terdapat sebanyak 58% daripada setiap ketua keluarga memiliki tanah kurang dari 1 ekar. Secara keseluruhannya, tanah yang mereka miliki itu adalah cukup untuk tapak rumah dan bakinya digunakan untuk pertanian, samada bersawah padi atau kebun kecil getah. 14% atau 7 keluarga memiliki tanah seluas 2 - 3 ekar dan 8% lagi memiliki tanah seluas antara 4 - 7 ekar. Hanya 4% saja yang memiliki tanah melebihi 8 ekar. Akan tetapi sejumlah 16% atau 8 buah keluarga masih tidak mempunyai tanah sendiri atau memilikinya secara sah. Mereka ini tinggal menumpang di tanah saudara mara, jiran atau di tanah kerajaan. Ada juga yang tinggal di tanah tuan punya tanah pertanian yang mereka kerjakan.

Disebabkan mereka mempunyai tanah yang terhad untuk diusahakan, ada di antara mereka yang mengerjakan tanah secara pawah, pajak, sewa dan sebagainya. Begitu juga dengan mereka yang tidak mempunyai tanah langsung. Biasanya tanah yang dipawah oleh mereka adalah tanah sawah dan kebun kecil getah, yang mana hasil yang diperolehi dibahagi dua dengan tuan punya tanah.

Keseluruhan yang memawah tanah untuk tujuan pertanian ini ialah mereka yang mempunyai tanah sekitar seekar, iaitu 58% dari jumlah penduduk setempat. Manakala yang menjadi tuan tanah pawah pula terdiri dari mereka yang mempunyai keluasan tanah melebihi 4 ekar. Golongan ini di samping memawahkan tanah mereka, juga mengerjakan sendiri sebahagian daripada tanah mereka. Mereka bolehlah

digelar 'golongan pengerja pemawah'.

Dari 50 orang responden yang ditemui, 46 darinya telah menyatakan tentang keluasan tanah yang mereka usahakan samada secara pawah, pajak atau tanah sendiri. Manakala 4 orang lagi tidak mengusahakan tanah secara serius. Mereka bergantung hidup pada sumber lain. 2 daripadanya pekedai runcit dan 2 orang lagi sebagai buruh binaan di Singapura.

Purata mereka mengerjakan tanah seluas seekar ialah 11.5% Di kampung ini, 28% mengerjakan tanah mereka sendiri dan 52% pula mengerjakan tanah yang dipawah. Terdapat cuma 2% saja yang mengerjakan tanah secara pajak, manakala 10% lagi mengerjakan tanah kerajaan secara haram. 8% tidak terlibat dalam pertanian. Keseluruhannya 46% daripada mereka mengerjakan tanah pertanian kurang dari 1 ekar dan 2% saja yang mengusahakan tanah melebihi 8 ekar.

Masalah pemilikan tanah yang kecil ini disebabkan oleh beberapa faktor. Kawasan tanah padi atau getah merupakan kawasan lama yang telah diwariskan turun-temurun dan melalui pembahagian harta (Faraid), tanah-tanah ini terpaksa dibahagi-bahagikan kepada waris-waris bila tuan asalnya meninggal. Melalui pembahagian ini, tanah-tanah menjadi semakin kecil dan ini menjadikan pengusahaan terhadap tanah itu tidak ekonomik lagi. Tambahan pula jarang terdapat pembukaan tanah baru bagi menambahkan tanah yang sedia ada.

Jadual 13: Luas Tanah Yang Dikerjakan (Dengan %)

| Luas (Ekar) | Pajak | Pawah | Sendiri | Lain-Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| $\frac{1}{4}$ - 1 | 2 | 28 | 10 | 6 | 46 |
| 2 - 4 | - | 20 | 12 | 4 | 36 |
| 5 - 7 | - | 4 | 4 | - | 8 |
| 8 + | - | - | 2 | - | 2 |
| JUMLAH | 2 | 52 | 28 | 10 | 92 + 8 = 100 |

Petunjuk: Lain-Lain - Bermakna mereka yang menumpang tanah saudara mara dan mengerjakan tanah kerajaan secara tidak sah

92 + 8 = 100 - Bermakna 92% penduduk yang mengusahakan tanah, campur 8% mereka yang tidak mengusahakan tanah sebagai punca pendapatan

University of Malaya

5.1.2 Masalah Petani

Penyelenggaraan tanah untuk pertanian merupakan masalah utama petani. Untuk mengerjakan tanah yang luasnya cuma 1 ekar jika menggunakan jentera membajak akan memakan kos yang tinggi. Untuk membajak tanah dalam masa 1 jam, upahnya ialah antara \$25 - \$30. Untuk itu mereka tidak mampu berbuat demikian. Masa yang diperlukan untuk mengerjakan tanah dengan menggunakan kerbau akan memakan masa 7 ke 12 hari. Jadi seringkali petani mengerjakan tanah sawah mereka pada luar musim kerana menggunakan banyak masa. Ini menjadikan tanah sawah mereka selalunya kekurangan air bila masa pengairan air ke sawah diberhentikan oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Kekurangan tenaga buruh juga menjadikan tanah pertanian tidak diusahakan sepenuhnya. Majoriti penduduk kampung ini ialah mereka di bawah 21 tahun iaitu 62% dari jumlah penduduk. Mereka ini masih remaja dan tidak suka turun ke sawah atau menoreh getah. Ada di antara mereka lebih suka menjadi buruh binaan yang menawarkan upah antara \$10 - \$20 sehari yang jauh lebih lumayan berbanding dengan kerja di sawah atau di kebun getah.

Di samping itu musuh tanaman seperti tikus dan burung adalah pengancam utama kepada padi dan babi hutan adalah ancaman utama bagi penoreh getah. Tikus dan burung menyerang sawah padi pada masa benih ditabur, padi mula berbuah dan ketika padi masak.

University of Malaya

Ini menjadikan pulangan padi penduduk kampung tidak mencapai pengeluaran yang maksima. Manakala babi hutan sering mengganggu penoreh getah pada waktu mereka menoreh kerana kawasan kebun getah berhampiran dengan bukit. Ini boleh menakutkan mereka untuk keluar menoreh bagi mencari rezeki.

Masalah lain yang dihadapi oleh petani dan penoreh di kampung kajian ialah mengenai subsidi baja oleh kerajaan. Oleh kerana terdapat berlainan ideologi parti, seringkali mereka yang dianggap penyokong parti PAS tidak mendapat bantuan ini. Sentimen kepartian ini begitu menebal di kalangan penduduk. Mereka yang dianggap penyokong parti lawan selalunya didiskriminasikan berbanding dengan penyokong parti kerajaan yang selalu mendapat keistimewaan oleh pihak pentadbir kampung. Kesannya terhadap kawasan pertanian begitu ketara iaitu tiada penyelarasan dalam masa pengusahaan tanah dan hasil yang diperolehi tidak seberapa.

Lanjutan daripada beberapa masalah tersebut, terdapat banyak kawasan tanah pertanian yang terbiar. Masalah utama yang menyebabkan fenomena ini ialah masalah pemilikan tanah. Tanah yang kecil itu banyak pula yang menuntutnya sehingga menyebabkan mereka tidak boleh sesuka hati mengerjakan tanah kerana selagi belum selesai pembahagiannya boleh menimbulkan permusuhan keluarga. Begitu juga dengan masalah kekurangan tenaga buruh dan ancaman musuh tanaman yang membantutkan usaha pengerjaan tanah pertanian.

University of Malaya

Dalam hal ini, petani terpaksa menanggung kerugian yang besar kerana ini kalau tanah-tanah terbiar dikerjakan ia boleh mendatangkan hasil lumayan di samping membuka peluang pekerjaan. (Utusan Malaysia, 23 Jun 1983: 4).

## 5.2 Masalah Pendidikan

### 5.2.1 Sikap Anak-Anak

Anak-anak adalah pelaburan jangka panjang bagi ibubapa. Mereka diharapkan, kalaupun tidak dapat menyarai kedua ibubapa mereka sepenuhnya, sekurang-kurangnya dapat hidup berdikari. Untuk melihat fenomena ini dengan lebih terperinci lagi, kita mestilah melihat sikap mereka terhadap pelajaran, kepentingannya serta faktor-faktor yang berkaitan dengannya.

Dari sejumlah besar yang ditemui, kebanyakannya anak-anak mereka menyatakan bahawa mereka ke sekolah hanya untuk mendapatkan duit belanja sekolah saja. Ada di antara mereka semacam dipaksa ke sekolah oleh ibubapa mereka. Gelagat ini dapat dilihat bilamana setiap pagi, ibu atau bapa mereka akan memerhatikan mereka dan mempastikan mereka sampai ke sekolah tanpa menyimpang ke lain tujuan. Ini dibuktikan dengan beberapa pengakuan dari responden yang ditemui.

Mereka juga mengambil sikap bahawa ke sekolah cuma sebagai salah satu jadual harian yang perlu ditepati ketika perlu saja.

Ini berkaitan dengan faktor alam sekitar yang berhubungkait dengan sikap pasif mereka. Misalnya, di kampung tersebut tiada lagi terdapat orang yang benar-benar berjaya dalam bidang pelajaran yang boleh dijadikan contoh. Kelulusan tertinggi hanya setakat SPM saja. Yang paling ramai ialah golongan yang kandas pelajarannya.

Weblen di dalam analisanya secara sosio-psikologikal telah melihat manusia sebagai 'social animal' dipengaruhi oleh rakan-rakan, sub-budaya dan sebagainya di dalam kehidupan mereka. Di sini, anak-anak yang selalu ponteng sekolah adalah dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka, untuk pergi melastik burung atau mencari ikan di parit-parit. Rakan sebaya mereka juga terdiri dari yang kandas pelajaran atau yang tidak pernah belajar langsung.

Ketiadaan kemudahan dan ketidakselesaan untuk mengulangkaji pelajaran di rumah juga boleh menjadikan sikap anak-anak terhadap pelajaran menjadi pasif. Di rumah mereka tiada satu tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat membaca dan mengulangkaji kerana ruang rumah yang sempit, di mana hanya terdapat satu bilik dan ruang tengah yang sering dijadikan tempat tidur keluarga. Kerusi dan meja untuk tujuan tersebut juga tiada. Kesemuanya adalah lanjutan daripada kemiskinan keluarga dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menyediakan peralatan kemudahan yang diperlukan.

Dorongan dari ibubapa jarang diperolehi dalam usaha mempertingkatkan satu pembelajaran. Ini kerana kedua ibubapa mereka

sentiasa sibuk dengan urusan mencari rezeki dan waktu malam mereka letih. Jadi tumpuan terhadap pelajaran anak-anak tidak dapat diberikan. Pelajaran semata-mata tanggungjawab anak-anak saja. Justeru itu pelajaran anak-anak tidak dititikberatkan dan hasilnya anak-anak sentiasa bebas berbuat apa saja hingga mengabaikan pelajaran.

### 5.2.2 Sikap Ibubapa

Ada di antara ibubapa menyatakan bahawa pelajaran sekular yang diajarkan melalui sekolah adalah tidak berfaedah kerana ia tidak menjamin seseorang itu masuk syurga. Mereka juga menyatakan bahawa menghantar anak-anak ke sekolah menghabiskan duit saja. Ini kerana keadaan sekitar menunjukkan ramai anak-anak yang ke sekolah masih juga hidup di kampung dan mengusahakan hidup cara kampung juga. Lebih-lebih lagi anak-anak perempuan. Kata mereka, setinggi mana pelajaran perempuan ke dapur juga. Inilah di antara beberapa sikap ibubapa yang ditemui di kampung ini.

Namun begitu ada juga yang sedar mengenai kepentingan pelajaran. Akan tetapi mereka tidak mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Pada mereka menghantar anak-anak ke sekolah merupakan tradisi iaitu bila umur cukup 7 tahun dihantar ke sekolah dan selepas itu terpulanglah pada guru-guru mengenai perkembangan selanjutnya.

Mengenai kerjaya anak-anak mereka pula, sikap ibubapa di kawasan setempat ini dapat dilihat menerusi Jadual 14 di bawah.

Jadual 14: Jenis Pekerjaan Yang Sesuai Untuk Anak

| Pekerjaan | % |
|---|---|
| Tidak Tahu | 36 |
| Ikut Anak-Anak | 42 |
| Makan Gaji | 22 |
| JUMLAH | 100 |

Mereka yang menyatakan tidak tahu ialah terdiri dari golongan yang tidak kisah sangat tentang apa saja yang disukai oleh anak-anak. Mereka ini ialah daripada golongan yang selalunya sibuk mengenai tugas harian mereka tanpa mempedulikan pelajaran anak-anak. Begitu juga dengan mereka yang hanya menyerahkan pilihan kerjaya terhadap anak-anak saja. Manakala mereka yang mengutamakan makan gaji pula, tumpuan yang diberikan ialah dalam bidang perkhidmatan seperti tentera, polis dan guru di samping kerani. Mereka ini daripada golongan yang sedar tentang kepentingan pelajaran tetapi tidak mampu membiayai anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Memadailah jika anak-anak mereka berjaya mencapai ke tahap tersebut.

Di dalam melihat fenomena kemiskinan dari sudut pendidikan, dapat dikatakan bahawa sikap anak-anak terhadap pelajaran adalah

lanjutan dari sikap ibubapa sendiri. Mereka adalah contoh utama anak-anak. Mana satu keluarga yang berjaya akan menjadi contoh pada keluarga yang lain. Keluarga adalah agen sosialisasi masyarakat. Di kampung ini tidak terdapat satu keluarga yang dapat dijadikan contoh, semuanya hidup dalam keadaan yang hampir sama, jadi tidak terdapat usaha untuk memperbaiki corak hidup mereka.

5.3 <u>Masalah Kampung</u>

Kampung ini terpecah dari segi pentadbiran peringkat mukim. Dengan dua penghulu yang mentadbir sebuah kampung, sudah tentu tidak terdapat penyelarasan pentadbiran. Penghulu bahagian pembangunan sosial tidak akan dapat membuat pembangunan fizikal jika keizinan dari penghulu Bahagian Hal Ehwal Tanah tidak dapat diperolehi. Ini kerana kedua mereka mempunyai kepentingan yang berbeza bagi mengekalkan pengaruh mereka. Yang menjadi mangsa ialah kampung itu sendiri.

Ketiadaan penyelarasan pentadbiran inilah yang menyebabkan beberapa kemudahan asas seperti bekalan elektrik tidak dapat disalurkan ke kampung ini. Kata sepakat antara kedua penghulu tidak diperolehi. Satu lagi ialah kurangnya perhatian dari wakil rakyat kawasan itu terhadap pembangunan kampung. Ini kerana lokasi kampung ini yang jauh di pedalaman, penduduknya yang sedikit dan sudah tentu tidak begitu efektif jika memberikan berbagai kemudahan seperti klinik, talian telefon ataupun bekalan elektrik.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh kampung ini, menjadikan penduduk setempat hanya akan bersikap berharap saja akan kedatangan pembangunan pada setiap kali kempen pilihanraya dijalankan. Janji-janji yang dibuat oleh pihak tertentu hanya untuk memancing undi saja sedangkan janji-janji itu tidak pernah ditunaikan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung ini serta beberapa sikap pasif mereka mengenai masalah tersebut, adalah di antara sebab mengapa kemiskinan terus menerus melingkari hidup mereka. Dan ini perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang tertentu bagi mengatasi masalah kemiskinan di sini.

University of Malaya

# BAB VI

# PENUTUP

## 6.1 Saranan-Saranan Pembasmian Kemiskinan

Berikut dibicarakan sedikit sebanyak mengenai beberapa langkah sebagai saranan ke arah pembasmian kemiskinan.

Di bawah Rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB), strategi membasmi kemiskinan ialah memberi peluang pada golongan miskin turut sama menikmati pertumbuhan ekonomi negara. Tujuan ini akan dapat dicapai melalui rancangan-rancangan yang boleh meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan, juga menambah peluang-peluang untuk menukar lapangan kegiatan yang rendah daya pengeluarannya kepada yang tinggi serta mengadakan berbagai perkhidmatan sosial.

Menurut Rancangan Malaysia Kedua (RMK), objektif pertamanya ditujukan:

> "... bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi, dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan pada semua rakyat tanpa mengira kaum..."
>
> (RMK, 1971: 1)

Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan, terdapat dua cara bagaimana ia harus dilaksanakan, iaitu melalui penggunaan teknologi moden dan kemudahan lain dan juga melalui penukaran

lapangan kegiatan. Mereka yang terlibat ialah di dalam kegiatan yang daya pengeluarannya rendah.

(1971: 5)

Ada beberapa andaian dalam RMK yang dikatakan sebagai sebab musabah yang mengakibatkan pendapatan petani rendah, iaitu:

> "... tanah-tanah yang tidak ekonomik dan yang tidak sesuai bagi tanaman serta penggunaan cara-cara pertanian tradisional dan kekurangan alat-alat pertanian moden..."
>
> (RMK, 1973: 6)

Oleh itu, diandaikan petani menjadi miskin berasaskan faktor-faktor tidak menggunakan teknologi moden dan pemilikan tanah yang tidak ekonomik.

Bagi pendapat pengkaji, tanah sawah yang tidak boleh ditanam padi dua kali setahun atau tidak lagi sesuai dengan padi patut diubah corak penanamannya kepada penanaman kontan atau tanaman kekal yang sesuai. Sekiranya tuan tanah terus mahukan tanaman padi walaupun sekali setahun, maka tanaman tersebut bolehlah diteruskan tetapi di luar musim, tanah-tanah ini pula akan ditanam dengan tanaman jangka pendek untuk menambahkan pendapatan mereka.

Untuk itu Dasar Pertanian Baru mestilah dijalankan dengan cara menggalakkan petani menanam tanaman sampingan atau mempelbagaikan jenis tanaman. Dengan cara ini, petani tidak terlalu bergantung kepada jenis pertanian yang sedia ada. Contohnya dengan menggalakkan

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

dan mengusahakan secara besar-besaran atas dasar koperatif penanaman berbagai jenis bunga-bungaan, sayur-sayuran, berbagai-bagai jenis bawang, lada, kacang soya bahkan jagung dan penternakan ikan, ayam, itik, kambing dan lembu supaya pengimportan bahan-bahan ini oleh negara dapat dikurangkan.

Juga menggalakkan pengeluaran padi dan penternakan ikan untuk mememuhi seluruh keperluan kampung dan negara dengan cara menambah produktiviti dan keluasan tanah dan bukan dengan menambah bilangan petani.

Bagi alasan kekurangan tenaga kerja, kaedah yang digunakan untuk mengatasinya ialah dengan menggunakan jentera teknik tabur terus dalam proses penanaman padi, tidak menggunakan teknik mengubah (mencedung) seperti cara tradisi yang diamalkan sekarang. Walaupun masalah yang timbul seperti kos yang tinggi melalui penggunaan teknik ini, ianya haruslah dijalankan secara berperingkat-peringkat seperti penggunaan tanah secara koperatif dan usahasama. Teknik tabur terus ini membenarkan peningkatan kadar kehidupan pokok padi serta hasil padi berbanding dengan cara tradisional.

Kerajaan dicadangkan agar melaksanakan mini estet di kawasan tanah sawah terbiar bagi memulihkan daya pengeluaran tanah serta dapat menghalang penghijrahan penduduk kampung ke bandar. Melalui sistem ini, pengurusan pengeluaran dan pemasaran akan diserahkan kepada kerajaan atau swasta dan para petani, khususnya golongan muda diambil

bekerja di estet itu dan diberikan upah. Jika ini dilaksanakan, dalam jangka masa panjang, ia akan menarik minat kaum muda untuk menyertainya dan mengelakan mereka berhijrah ke bandar. Selain daripada sistem ini, sistem pendidikan yang ada sekarang haruslah dapat meyakinkan para belia bahawa pekerjaan pertanian adalah satu kegiatan yang menguntungkan jika dikendalikan sebagai entiti perniagaan.

Reformasi tanah dan reformasi terhadap institusi pertanian haruslah dilakukan bagi mengatasi masalah petani dari segi pemilikan tanah, cara milik, kredit dan pemasaran. Reformasi tanah bermaksud, rombakan undang-undang yang berkaitan dengan hakmilik, penggunaan dan pengerjaan tanah. Ianya boleh dilakukan dengan kerajaan mengambil tanah dari tuan-tuan punya tanah yang kaya dan mereka dibayar pampasan. Tanah-tanah yang diambil balik itu dipecahkan kepada lot-lot kecil untuk dikerjakan oleh unit keluarga kecil atau diusahakan secara kolektif. Dengan cara ini diharapkan merupakan langkah pertama dalam usaha menyelesaikan masalah kemiskinan dan ketidakadilan dalam agihan hasil. Tanah-tanah yang dikerjakan itu mestilah diusahakan secara intensif supaya dapat mengecap faedah yang maksimum darinya.

Rancangan seperti 'revolusi mental' adalah merupakan salah satu usaha yang dikaitkan dengan aspek sosial yang bertujuan untuk mengubah nilai, sikap dan pandangan orang-orang kampung khususnya, supaya mereka meninggalkan ciri-ciri yang negatif dan bersedia

menerima ciri-ciri positif yang lebih sesuai untuk perubahan menuju kepada pembangunan.

Ringkasnya, segala langkah-langkah yang dibincangkan di atas diharapkan berkesan untuk mengatasi beberapa masalah petani yang dibincangkan di samping daya pengeluaran petani dapat ditingkatkan. Adalah dijangkakan dengan langkah-langkah dan pelaksanaan usaha yang ada di dalam Rancangan Malaysia setiap lima tahun serta program-program yang dirancangkan, maka kemiskinan petani akan dapat dikurangkan dan seterusnya dibasmikan.

## 6.2 Kesimpulan

Perlu ditegaskan di sini bahawa bukan tujuan kajian ini untuk membincangkan dan mengukur setakat mana darjah kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar, khususnya golongan petani. Persoalan ini sudah pasti memerlukan satu kajian yang khusus dan terperinci serta teliti, juga memakan masa yang panjang. Apa yang ingin dibentangkan dan dihuraikan di sini ialah beberapa masalah yang timbul dan dihadapi oleh penduduk setempat mengenai kemiskinan, di samping menyentuh sedikit sebanyak ukuran dan konsep kemiskinan itu sendiri.

Masalah-masalah yang dilihat ialah seperti kegiatan ekonomi, seperti masalah pertanian, saiz tanah yang tidak ekonomik, penyaluran pendapatan serta berbagai masalah sampingan yang lain seperti masalah

kampung dan pendidikan. Masalah-masalah seperti ini menjadi penghalang yang menyebabkan daya pengeluaran rendah dan pendapatan yang rendah. Inilah yang menyebabkan kadar kemiskinan tinggi di kalangan petani.

Daripada perangkaan yang didapati daripada kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat (RME) menunjukkan kenaikan kadar kemiskinan telah meningkat dari 37.4% (1980) kepada 41.6% (1983). (Utusan Malaysia, 12 Ogos, 1985: 6). Kajian ini mendapati bahawa seramai 717,600 keluarga masih terletak di bawah garis kemiskinan. Mereka ini adalah daripada golongan pekebun kecil getah, pesawah padi, penanam kelapa dan kelapa sawit, nelayan dan mereka yang terlibat dalam penanaman lain seperti nenas, sayur-sayuran dan sebagainya. Mengapakah ini terjadi dan sehingga manakah insiden kemiskinan ini dapat dikurangkan sedangkan setiap lima tahun sekali, kerajaan telah menjalankan berbagai program dalam Rancangan Malaysia I hingga Rancangan Malaysia IV Tidak ada siapa yang dapat menjawab soalan ini dengan terus terang.

Mengenai masalah kemiskinan luar bandar, terdapat faktor yang saling berhubungkait. Selain daripada faktor ekonomi, ada pihak yang menyatakan bahawa kemiskinan adalah disebabkan faktor-faktor sahsiah. Umpamanya, disebutkan bahawa di kalangan setengah golongan, termasuk petani Melayu terdapat sifat-sifat negatif seperti bergantung pada nasib, malas, boros dan hanya berpuas hati dengan

rezeki yang ada, menyebabkan mereka tidak mahu bekerja kuat bagi menambahkan lagi pengeluaran. Gejala ini dikaitkan dengan kebudayaan kemiskinan dan kadangkala dihubungkan dengan nilai-nilai agama yang dikatakan membuat orang miskin bersyukur dengan rezeki yang ada. Pentafsiran sebegini adalah silap sama sekali. Sebenarnya ada di antara mereka yang rajin, bekerja dari pagi hingga malam dan terpaksa berjimat. Mereka terpaksa berbuat demikian untuk hidup; tetapi mereka tetap berpendapatan rendah dan hidup miskin juga.

Banyak kajian yang telah dibuat mengenai perkara ini dan dakwaan Islam sebagai satu sebab utama kemunduran orang Melayu di bidang ekonomi adalah disangkal sama sekali. (Lihat Mohd. Fauzi Yaacob, 'Kemunduran Ekonomi Masyarakat Melayu, Satu Tinjauan Sosio-Budaya', dalam Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Moden, ed. Dr. Zainal Kling, 1977). Orang Melayu tidak malas sebaliknya mereka rajin berusaha. Mereka bekerja setiap hari. Disebabkan hasil yang mereka hadapi sedikit berdasarkan bidang tanah yang terhad dan mereka terlibat dalam berbagai corak 'land tenure', sudah tentulah tidak ada apa-apa harta yang dapat mereka kumpulkan. Hampir seluruh pendapatan yang diperolehi diguna untuk keperluan harian. Jadi orang melihat, orang Melayu malas dari segi tidak ada harta yang dikumpulkan bukan dari segi gunatenaga yang mereka keluarkan.

Adalah jelas, wujud putaran ganas kemiskinan dalam masyarakat Melayu di luar bandar, yang boleh dianalisa mengikut rajah di sebelah.

Putaran Kemiskinan




Semua faktor yang wujud ini merupakan komponen yang bertindak antara satu sama lain yang menyebabkan sukar untuk seseorang melepaskan diri daripada cengkaman itu. Ianya bergerak dalam satu bulatan yang lengkap atau 'circular causation'.

Pernah dalam satu kajian oleh Wan Abdul Kadir, di Kampung Kedai Buluh dan Kampung Dal menunjukkan persamaan paras pendapatan yang rendah, dan sebahagian besar daripada pendapatan tersebut digunakan untuk membeli keperluan asas dan tiada lebihan yang banyak untuk tabungan. Disebabkan petani-petani tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap, maka kadangkala mereka terpaksa berhutang apabila ada kecemasan seperti kematian, sakit, kenduri dan sebagainya.

Namun begitu, mereka tidaklah sampai menjual tanah untuk mendapatkan wang. Seperti kata S. Husin Ali dalam bukunya, Apa Erti Pembangunan,

> "Adalah sangat silap jika disangkakan bahawa petani-petani dibelenggu oleh hutang dan terpaksa bergadai dan menjual tanahnya semata-mata kerana sering berbelanja lebih dari yang mereka mampu".
>
> (1976: 27)

Antara faktor-faktor ekonomi yang dianggap menyebabkan petani miskin ialah daya pengeluaran mereka yang rendah. Ini kerana kekurangan atau ketiadaan beberapa jenis punca pengeluaran seperti tanah, modal dan teknologi. Dari pengeluaran yang rendah, akibatnya petani-petani Melayu luar bandar mendapat pendapatan yang rendah. Lebih kurang 18% daripada keluarga di kampung kajian berpendapatan kurang dari $130 sebulan, 34% berpendapatan antara $130 hingga $260 sebulan. Sejumlah besar pendapatan yang rendah itu digunakan untuk membeli bahan makanan yang menampung antara empat hingga dua belas anggota keluarga. Ini bertepatan dengan Teori Kecenderungan Sut Pengguna yang menyatakan bahawa di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah, sebahagian besar dari perbelanjaan adalah untuk pembelian bahan makanan.

Ini menunjukkan pendapatan petani-petani pada umumnya rendah samada mereka bergantung pada tanaman padi seperti dalam kajian Wilson, T.B. (1958), nelayan, Raymond Firth (1966) dan juga dalam kegiatan lain. Justeru itu petani-petani Melayu luar bandar

miskin disebabkan pendapatan rendah, menjadikan mereka tidak dapat menyimpan untuk tabungan dan seterusnya tidak membuat pelaburan. Apabila pelaburan kurang, putaran ganas kemiskinan mengongkong kehidupan mereka.

Namun begitu, putaran kemiskinan boleh dipecahkan. Ianya boleh dilakukan melalui satu faktor, iaitu 'Circular Cumulative Causation' (Dalton, 1971) di mana dalam teori ini, satu unsur yang berubah bukan dalam satu bulatan yang lengkap tetapi berubah-ubah dengan cara bertimbun-tambah ke atas. Maksudnya, jika orang Melayu mempunyai modal yang cukup, mereka boleh melabur. Dari pelaburan mereka boleh memperolehi pengeluaran yang tinggi dan akhirnya kemiskinan orang Melayu akan dapat dikurangkan.

Di samping faktor ekonomi, beberapa faktor lain seperti faktor sosial perlu diambilkira ke arah mengurangkan beban kemiskinan. Kampung kajian ini perlu diberi kemudahan asas yang mencukupi seperti kemudahan perhubungan bagi memudahkan petani memasarkan barangan hasil pertanian mereka. Jalanraya di kampung ini perlu ditarkan semoga perhubungan tidak putus bila musim hujan. Penyelarasan pentadbiran peringkat mukim juga mestilah disatukan agar segala pembaharuan atau pembangunan yang ingin dibuat di kampung kajian dapat dilaksanakan tanpa konflik yang berpanjangan.

Memandangkan punca-ounca yang mengakibatkan kemiskinan adalah menekan kehidupan petani, kerajaan telah mengambil beberapa

langkah untuk memberi peluang yang lebih tinggi bagi petani mendapatkan bantuan-bantuan seperti tanah, modal, teknologi, subsidi dan sebagainya. Sehubungan dengan ini antara rancangan ekonomi yang diutamakan seperti rancangan tanah di bawah FELDA, bantuan teknik dari RISDA, rancangan parit dan taliair, subsidi dan lain-lain lagi. Memang diakui bahawa semua program ini mendatangkan faedah, tetapi sasarannya kadangkala kurang tepat. Masyarakat Melayu luar bandar sudah mula memperlihatkan struktur ketidaksamaan berdasarkan sistem susunlapis. Kita dapati bahawa dalam sistem ini golongan berada memiliki tanah, kedai dan ramai yang mempunyai kedudukan berpengaruh dalam politik. Peranan ideologi kepartian juga mengambil kedudukan yang penting.

Golongan yang tidak berada tidak mempunyai banyak sumber ekonomi. Dalam kawasan kajian, proses bantuan subsidi, baja, pembahagian tanah dan teknologi selalunya diperolehi oleh golongan berada oleh sebab kedudukan sosial mereka yang lebih istimewa itu. Tambahan pula jika mereka merupakan penyokong parti kerajaan. Begitu juga dengan petani yang lain yang berkedudukan demikian. Mereka lebih diutamakan berbanding dengan mereka dari golongan parti yang berlawanan dengan parti kerajaan.

Hasil dari kajian, didapati bahawa beberapa bentuk subsidi seperti baja, benih dan sebagainya diberikan pada tuan punya tanah, bukan pada pengerja tanah. Kerana itu kerapkali pengerja tanah terpaksa membeli baja dan lain-lain yang diperlukan dalam proses

University of Malaya

penanaman padi dan penyuburan pokok-pokok getah. Terjadi juga bantuan subsidi diberikan pada petani yang mampu dan pada mereka yang berlabelkan parti UMNO semata-mata tidak kepada penyokong parti PAS. Pada hal semua bantuan kerajaan ini adalah untuk semua petani yang miskin tanpa mengira ideologi. Inilah yang menyebabkan terus wujud ketidaksamaan dan penyelewengan di kalangan petani. Masalah penyelewengan dalam bentuk pemberian subsidi ini bolehlah dianggap masalah birokrasi dan 'communication gap' kerana pegawai-pegawai pertanian jarang meluangkan masa untuk meninjau masalah petani. Jikapun ada lawatan hanya sekali sekala dan segala bantuan adalah melalui ketua kampung, tanpa membuat tinjauan sendiri. Pernah terjadi bantuan yang sepatutnya diperolehi oleh setengah petani tidak diluluskan tanpa sokongan ketua kampung kerana berlainan pendapat, sedangkan mereka benar-benar memerlukan bantuan. Inilah kelemahan yang perlu diatasi.

Di Malaysia kini, Revolusi Pertanian pernah dilancarkan untuk tujuan memodenkan pertanian. Kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran bahan makanan telah memperkenalkan tanaman lebih dari satu musim, penggunaan baja kimia, jentera, dan racun kimia. Usaha pertanian yang intensif ini tidak mendatangkan faedah yang menyeluruh pada petani disebabkan saiz keluasan tanah yang kecil atau tiada tanah langsung. Sekiranya banyak pembaharuan yang diperkenalkan tetapi tanpa modal, tenaga dan tanah, sudah pasti petani Melayu luar bandar akan berada di tahap yang lama atau terus dalam kemiskinan. Ini

berdasarkan kajian di Kampung Banggol Saman.

Petani-petani Melayu luar bandar perlukan pendedahan dari segi pendidikan dan pembelajaran bagi mengubah kehidupan mereka. Hanya dengan pelajaran saja dapat mengubah corak hidup petani. Melalui pelajaran, petani akan dapat pengetahuan yang luas dan jika mereka berkelulusan tinggi, mereka tidaklah lagi menumpukan sepenuh masa di bidang pertanian yang memberikan pulangan hasil yang sedikit. Mereka boleh mengubah corak hidup mereka dalam bidang perkhidmatan seperti polis, tentera dan sebagainya yang mempunyai pendapatan yang tetap. Perkara ini walaupun telah lewat bagi setengah petani, namun nilai baru ini haruslah dipupuk pada generasi baru mereka agar tidak nanti anak-anak akan menjadi seperti orang tua mereka yang menjadi petani juga.

Kemahiran teknik terutamanya dalam bidang industri perlu disalurkan kepada petani agar mereka boleh mengubah corak hidup dari sektor pertanian kepada sektor industri bagi menjamin kehidupan mereka. Ini perlu perancangan yang rapi dari pihak kerajaan. Di samping itu ianya dapat melahirkan petani yang serba boleh dengan kemahiran pertanian dan perindustrian bagi memajukan hidup mereka.

Dari penyelidikan yang dibuat di kampung ini didapati wujud masalah tanah terbiar. Perangkaan dari Kementerian Pertanian menunjukkan setakat lima tahun yang lepas, keluasan tanah terbiar melewati jumlah menyeluruh tanah yang diterokai oleh berbagai agensi

kerajaan meliputi tempoh sepanjang sepuluh tahun yang lepas. Faktor yang menyebabkan ini terjadi seperti yang telah dijelaskan sebelum ini seperti kekurangan tenaga kerja, tanaman yang tidak ekonomik dan lain-lain lagi. Dasar kerajaan dan membasmi gejala ini ialah mengutamakan tanah-tanah yang dapat dipulihkan secara ekonomik. Pemulihannya boleh berupa ternakan ikan dalam kolam, ternakan lembu dan juga pertanian selain daripada tanaman asal yang tidak menjadi lagi jika diusahakan. Program ini boleh menguntungkan petani dan memberikan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada petani. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa projek contoh yang telah berjaya seperti di Kampung Periuk Lama, Sungkai, Perak, Kampung Cherang Rotan, Pasir Puteh, Kelantan, Kampung Cikgu Ali di Perlis dan di Batu Belang Negeri Sembilan.

Adalah keterlaluan jika dikatakan segala projek yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan tidak berguna sama sekali. Apa yang menjadi persoalan ialah, berapa besarkan bilangan yang mendapat faedah dan kesan mendalam dari rancangan-rancangan yang dijalankan? Apakah mereka dari golongan yang paling miskin dan yang paling memerlukan? Atau apakah segala projek yang telah dan akan dijalankan oleh kerajaan telah membasmi kemiskinan atau telah menambahkan lagi beban kemiskinan? Ini yang dipersoalkan sekarang.

Untuk itu, bila membicarakan persoalan kemiskinan Melayu luar bandar, semestinya tumpuan utama ialah mengenalpasti secara

tepat golongan yang miskin dan kawasan serta sektor yang termundur diberi perhatian utama. Juga mempastikan keutamaan diberikan pada mereka yang memerlukan tanpa sekatan yang munasabah agar penyaluran segala bantuan dapat mereka terima dan boleh mempertinggikan taraf hidup mereka.

Akhir sekali, dalam membicarakan permasalahan yang dikaji iaitu kemiskinan Melayu luar bandar berdasarkan Kampung Banggol Saman sebagai kampung sasaran kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa hipotesis yang dikemukakan pada awal kajian iaitu 'peningkatan pendapatan dan penggunaan sepenuhnya kemudahan dan kemodenan pertanian boleh mengurangi beban kemiskinan' adalah benar dan boleh dijadikan panduan bagi perlaksanaan kajian. Juga dengan perubahan sikap dan bekerja bersungguh-sungguh di samping mempelbagaikan kegiatan ekonomi dapat mengurangkan beban kemiskinan.

BIBLIOGRAFI

A. Teks

Ahmad Mahzan Ayob (1983)
Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Suatu Pengenalan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Awang Had Salleh (1980)
Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Bailey, K. (1975)
Methods of Social Research, The Free Press, London.

Dalton, G. (1971)
Economic Development and Social Change, National History Press, New York.

Firth, Raymond (1942)
Malay Fishermen, Their Peasant Economic, Routledge and Kegan Paul, London.

Ibrahim Saad (1981)
Pendidikan dan Politik Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kanier, C.J. (1973)
Roots of Crisis, Paul Mc Nally, Chicago.

Mountfield, Anne (1974)
Talking About Poverty, Wayland Publishers, London.

Myrdal, G. (1970)
The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline, Vintage Book, New York.

Parkinson, B.K. (1967)
"Non-Economic Factors in Economic Retardation of Rural Malays", Modern Asian Studies, Jilid 1, Bil. 1, January.

University of Malaya

Rein, Martin (1974)
"Defination and Measurement of Poverty" dalam Townsend, P. (ed.), The Concept of Poverty, Heinemann Paperback, London.

Rowntree, S. (1941)
Poverty and Progress, A Second Social Survey of York, Longman Green, London.

Syed Husin Ali (1976)
Apa Itu Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

______________ (1978)
Kemiskinan dan Kelaparan Tanah Di Kelantan, Karangkraf Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Siegel, R. (1970)
Learning About Politic, Random House, New York.

Wan Hashim, dll. (1980)
Kaedah Penyelidikan Sosial, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Young, P. (1973)
Scientific Social Survey and Research, 4th Edition, New Delhi.

Zainal Kling (ed.)(1977)
Masyarakat Melayu, Antara Tradisi dan Perubahan, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur.

B. Laporan-Laporan, Makalah dan Suratkhabar

International Encyclopedia of Social Science, Vol. 12, 1968.

Generasi, April 1985, Media Intelek, Kuala Lumpur.

Kamal Salih (1983), Konsep, Definisi dan Ukuran Kemiskinan dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star, Kedah, 21-23 April.

Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971.

__________________, Rancangan Malaysia Keempat, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1981.

Profail Daerah Bukit Jawa, Terbitan Pejabat Penggawa Bukit Jawa, Selising, 1985.

Syed Husin Ali (1983), Aspek-Aspek Kemiskinan Dari Sudut Sosiologi dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Alor Star, Kedah, 21-23 April.

Utusan Malaysia, 12 Ogos 1985.

______________, 23 Jun 1983.

Watan, 13-16 Ogos, 1985.

_____, 17-19 Ogos, 1985.

C. Disertasi

Faizah Yunus, Kemiskinan Kaum Tani (Satu Kajian Kes Di Kg. Paya Lintah), Padang Rengas, Perak, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983.

Mohd. Saidi Midin, Kemiskinan dan Masalah Komuniti Nelayan Dari Perspektif Sosio-Ekonomi (Satu Kajian Kes Di Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah), Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983.

University of Malaya

Lampiran I.



Gambar 1: Menunjukkan Jalan Masuk Ke Kampung Kajian Semasa Kajian Dijalankan Dari Arah Kampung Danan



Gambar 2: Projek Tangki Bekalan Air Yang Gagal Dilaksanakan Kerana Pembinaannya Yang Tidak Dirancangkan

Lampiran II.



Gambar 3: Sekolah Kebangsaan Banggol Saman Yang Terdapat Di Kampung Ini



Gambar 4: Kawasan Tanah Terbiar Yang Telah Lama Tidak Diusahakan Oleh Penduduk Kampung